

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

1. Setiap Pusat Penang2030 menerima peruntukan pengurusan RM6,000 setiap suku tahun, adakah Kerajaan Negeri bercadang menaikkan jumlah tersebut selaras dengan peningkatan kos utiliti dan operasi?
 - (a) Berapakah jumlah peruntukan tahunan bagi semua pusat ini?
 - (b) Adakah kajian keberkesanan penggunaan peruntukan telah dijalankan?
 - (c) Apakah perancangan semakan kadar baharu bagi memastikan kelestarian operasi pusat-pusat ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Kerajaan Negeri pada masa ini belum bercadang untuk menaikkan jumlah peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa meneliti keperluan tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan program dan operasi Pusat Penang2030 dapat dijalankan dengan berkesan, selaras dengan peningkatan kos utiliti dan operasi.
 - (a) Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 8/2024 pada 6 Mac 2024 dan disahkan pada 13 Mac 2024 telah memutuskan peruntukan kos operasi Pusat Penang2030 sebanyak RM2,000.00 sebulan. Sehubungan itu, peruntukan tahunan sebanyak RM696,000.00 telah

dibajetkan untuk pembayaran kos operasi berkenaan. Namun, pembayaran kos operasi Pusat Penang2030 hanya berdasarkan laporan pemantauan Pusat Penang2030 yang berjaya dikemukakan pada setiap suku tahun.

Setakat 31 Oktober 2025, kos operasi sebanyak RM432,000.00 telah disalurkan kepada Pusat Penang2030 yang telah mengemukakan laporan pemantauan.

- (b) Kajian keberkesanan penggunaan peruntukan Pusat Penang2030 sentiasa dipantau dan dijalankan melalui laporan pemantauan suku tahunan yang dikemukakan oleh setiap Pusat Penang2030 bagi memastikan perbelanjaan berhemah dan program memberi impak positif kepada komuniti setempat.

Lawatan tapak juga diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan operasi Pusat Penang2030 berjalan dengan lancar.

- (c) Setakat ini, Kerajaan Negeri belum merancang untuk menyemak semula kadar peruntukan pengurusan bagi pusat-pusat Penang2030. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus memantau keperluan operasi dan kos semasa bagi memastikan kelestarian pelaksanaan program di setiap Pusat Penang2030.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

2. Apakah hasil sebenar daripada sembilan strategi baharu hasil negeri 2025 dan sejauh mana sasaran pungutan dicapai?
 - (a) Berapakah jumlah cukai tambahan diperoleh melalui semakan kadar lesen *liquor*, fi hotel, caj pembangunan dan lelongan tanah?
 - (b) Apakah perancangan kerajaan memperkukuh kecekapan kutipan serta ketelusan pengurusan hasil negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Berdasarkan rekod, lima (5) daripada sembilan (9) strategi baharu hasil negeri 2025 telah menjana kutipan sebenar berjumlah RM4,782,429.17. Amaun ini adalah data kutipan hasil sebenar yang diterima sehingga 31 Oktober 2025. Terdapat strategi yang tiada kutipan direkodkan pada tahun 2025 berikutan masih di peringkat pengenalpastian lot dan proses kerja yang dilaksanakan secara berperingkat. Status pencapaian bagi sembilan (9) strategi peningkatan hasil yang dilaksanakan pada 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Tiada cukai tambahan yang diperoleh melalui semakan kadar baru setakat ini dan perincian adalah seperti berikut:
 - (i) Lesen *liquor*
Status cukai tambahan bagi lesen *liquor* masih di peringkat permohonan. Ketetapan kadar lesen *liquor*

adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan kali terakhir pindaan kadar ini dibuat adalah pada tahun 2014 melalui Warta Kerajaan Persekutuan [P.U. (A) 163] bertarikh 20 Jun 2014.

Surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 22 Januari 2025 telah dikemukakan bagi mencadangkan kadar lesen *liquor* sedia ada disemak semula.

(ii) Fi hotel

Cadangan penyemakan kadar baharu fi hotel kini berada di peringkat akhir pemuktamadan selepas melalui proses libat urus bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dan agensi pelancongan berkaitan.

Langkah ini bertujuan memastikan kadar baharu yang ditetapkan lebih sepadan dengan struktur fi pelancongan di negeri lain, serta mengambil kira kemampuan industri dan sensitiviti pengguna. Apabila dimuktamadkan, kadar fi baharu ini dijangka meningkatkan hasil cukai kepada Kerajaan Negeri secara berterusan, di samping menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan yang mampan dan terkawal.

(iii) Cadangan lelongan tanah-tanah kerajaan

Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan Secara Lelongan telah dibentangkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Pengeluaran pekeliling kepada semua Pejabat Tanah telah dilaksanakan untuk menggerakkan proses lelongan hartanah berpotensi. Pekeliling tersebut adalah Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 2 Tahun 2025 bertajuk "Garis Panduan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang Secara Lelongan", berkuatkuasa pada 26 Mei 2025. Pelaksanaan garis panduan ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk

memaksimumkan pulangan hasil tanah secara telus dan berdaya saing.

Setakat ini, satu (1) kawasan telah dikenal pasti bagi pelaksanaan awal, melibatkan empat (4) lot tanah di Daerah Timur Laut. Proses penilaian dan penyelarasan lanjut sedang dijalankan sebelum pelaksanaan lelongan dilaksanakan sepenuhnya.

(iv) Caj pembangunan

Sesi libat urus bersama wakil-wakil rakyat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 29 April 2025 bagi membentangkan simulasi semakan kadar cukai tanah dan pengkelasan kawasan daripada desa kepada bandar. Sesi ini bertujuan memberikan pendedahan awal serta mendapatkan maklum balas berhubung implikasi kadar baharu yang dicadangkan, sebelum pelaksanaan secara menyeluruh oleh Kerajaan Negeri.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk memperkukuh kecekapan kutipan hasil serta memastikan ketelusan dalam pengurusan kewangan negeri. Sehubungan itu, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan secara berterusan melalui pendekatan tadbir urus berasaskan prinsip *Competency, Accountability and Transparency* (CAT).

Antara langkah utama yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk:

- (i) Pendigitalan kutipan hasil negeri melalui peluasan penggunaan kaedah e-pembayaran bagi meningkatkan kecekapan urus niaga, mengurangkan ketirisan serta memudahkan pemantauan hasil oleh jabatan dan agensi berkaitan.
- (ii) Pelaksanaan semakan semula kadar dan prosedur kutipan hasil melalui bengkel khas bersama jabatan dan pihak berkuasa tempatan bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan serta mengurangkan tunggakan hasil. Hasil bengkel tersebut, sebanyak 24 strategi dikenal pasti untuk menambah baik hasil

negeri, di mana sembilan (9) strategi utama telah mula dilaksanakan (**LAMPIRAN A**).

- (iii) Pemantapan pengurusan tunggakan hasil melalui tindakan penguatkuasaan, pemantauan berjadual dan pelaporan prestasi kutipan secara berkala kepada pihak pengurusan tertinggi negeri.
- (iv) Peningkatan ketelusan dan akauntabiliti melalui pelaksanaan dasar tender terbuka bagi penjualan aset dan tanah milik kerajaan negeri, bagi memastikan proses lebih telus, adil dan berintegriti, sekali gus mengelakkan sebarang persepsi negatif terhadap urus niaga kerajaan negeri.
- (v) Pelaksanaan inisiatif Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) di peringkat negeri bagi mempercepat dan memperkemas proses pentadbiran hasil tanpa menjejaskan kawalan dalaman serta pematuhan kepada tatacara kewangan.

Kerajaan Negeri juga sedang memperkukuh mekanisme pemantauan hasil melalui pelaporan kewangan secara digital, audit dalaman yang lebih kerap serta pembangunan *dashboard* hasil negeri bagi membolehkan analisis prestasi kutipan dilaksanakan secara masa nyata.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha ini dijangka dapat memperkukuh kecekapan sistem kutipan hasil, meningkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti pengurusan kewangan negeri, serta menjamin kedudukan fiskal Pulau Pinang kekal mampan dan berdaya tahan pada masa hadapan.

LAMPIRAN A

Senarai hasil yang dijangka diterima Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2025 - 2027 adalah seperti berikut:

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
1.	<p>Melaksanakan kutipan tunggakan cukai petak sejumlah RM6 juta pada tahun 2025 (50% daripada tunggakan keseluruhan RM12 juta)</p>	<p>PTGPP telah menjalankan taskforce turun padang dengan mengadakan lawatan ke skim-skim strata di daerah Timur Laut bagi mengenalpasti nombor patil bagi dipadankan dengan nombor hakmilik. Usaha ini telah menunjukkan impak positif di mana tunggakan cukai petak dapat dilaksanakan serta pencerahan kepada orang awam tentang cukai petak serta perbezaannya di antara cukai taksiran, cukai tanah serta caj penyelenggaraan dapat dijelaskan.</p> <p>Selain itu, peringatan membayar cukai juga digiatkan di semua platform media sosial PTGPP bagi memberi kesedaran kepada orang awam.</p> <p>Tindakan penguatkuasaan dan perampasan juga wajar dilaksanakan sekiranya Kerajaan Negeri serius dalam mengurangkan tunggakan cukai petak.</p>	<p>Berdasarkan kepada unjuran kutipan tunggakan cukai petak untuk tahun 2025 yang berjumlah RM6 juta, setakat 29/10/2025 kutipan tunggakan cukai petak yang berjaya dikutip berjumlah RM2,438,600.07.</p>	<p>Kutipan Tunggakan Cukai Petak setakat 29/10/2025 adalah RM2,438,600.07. Melibatkan bayaran oleh 19,882 akaun cukai petak di Negeri Pulau Pinang.</p>

LAMPIRAN A

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
2.	<p>Cadangan Lelongan Tanah Kerajaan, Contoh: Tanah Yang Dilucuthak di bawah Seksyen 100 KTN Atau Tanah Lain Milik Kerajaan Yang Bernilai Tinggi dan Berpotensi Untuk Dilelong.</p>	<p>Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan secara lelongan telah dibentangkan dan diluluskan PBN. PTGPP telah memohon kesemua Pejabat Daerah untuk mengemukakan sekurang-kurangnya dua (2) hakmilik tanah untuk dicadangkan bagi tujuan lelongan.</p>	<p>Unjuran RM10 juta</p>	<p>Garis panduan lelong telah dikeluarkan pada 20 Mei 2025. Setakat ini satu (1) kawasan telah dikenal pasti melibatkan empat (4) Lot di Daerah Timur Laut. Proses lelongan tanah-tanah ini dijangkakan dapat diselesaikan pada pertengahan tahun 2026.</p>
3.	<p>Semakan Proses Tukar Syarat dan Kategori Tanah</p>	<p>PTGPP telah menyediakan Garis Panduan yang membolehkan pemohon mengemukakan permohonan tukar syarat secara serentak dengan permohonan perlanjutan tempoh pajakan.</p>		<p>Garis Panduan Kadar Premium dan Diskaun Bagi Dasar Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan telah dikeluarkan pada 10 April 2025. Semenjak garis panduan ini diluluskan sehingga Oktober 2025, sebanyak 3 permohonan tukar syarat secara serentak telah dipertimbangkan dengan kutipan premium tukar syarat kumulatif sebanyak RM2,181,970.00 manakala kutipan premium bagi permohonan perlanjutan</p>

LAMPIRAN A

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
				tempoh pegangan yang diproses bersama permohonan tukar syarat ini adalah sebanyak RM4,207,694.80.
4.	Semakan semula kadar lesen liquor.	<p>Ketetapan kadar lesen liquor adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan kali terakhir pindaan kadar ini dibuat adalah pada tahun 2014 melalui Warta Kerajaan Persekutuan [P.U. (A) 163] bertarikh 20 Jun 2014.</p> <p>JKN telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 22 Januari 2025 bagi mencadangkan kadar lesen liquor sedia ada disemak semula.</p>	Anggaran kutipan lesen 2025 adalah RM1,900,000.00.	Pencapaian kutipan lesen setakat September 2025 adalah RM1,217,648.00.

LAMPIRAN A

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
5.	Semakan semula kadar duti hiburan dan penambahbaikan proses kerja kutipan duti hiburan.	Cadangan kadar baharu telah diluluskan oleh MMKN pada Disember 2024. Kadar baharu telah diwartakan pada 20 Mac 2025 melalui Perintah Kadar Duti Hiburan 2025 Pg. P.U.6. berkuatkuasa pada 1 Januari 2025.	Duti hiburan yang terlibat dengan semakan semula kadar adalah Kod H162804 – Cukai Tiket Permainan Hiburan, Kod H162807- Cukai Hiburan Kelab Malam dan Kod H162810- Cukai Hiburan Coffee House. Unjuran hasil bagi ketiga-tiga jenis duti hiburan adalah RM5,700,000.00.	Kutipan hasil bagi ketiga-tiga kod ini sehingga 31 Oktober 2025 adalah RM566,547.00. Pungutan hasil ini adalah tertakhluk kepada bilangan aktiviti hiburan yang dilaksanakan sepanjang tahun.
6.	Meningkatkan caj rawatan/ pembedahan/ jualan ubat dan perkhidmatan haiwan seperti di kadar bayaran yang telah diluluskan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang.	JPV telah menguatkuasa caj baharu bagi caj rawatan/ pembedahan/ jualan ubat dan perkhidmatan haiwan bermula 2 Mei 2025; Bagi status semakan warta dengan pihak PUU: JPV telah menerima keputusan semakan Warta Pusat-Pusat Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang bertarikh 15 Oktober 2025 dengan No. Ruj. PUNPP 352/100/1/2/SUB/59 dan dalam proses mengangkat kertas MMK.	Unjuran Hasil 2025 bagi perkhidmatan rawatan dan jualan ubat adalah RM930,000.00 (H0272101 dan H0273806).	Pencapaian Hasil sehingga 30 September 2025 adalah RM579,338.10.

LAMPIRAN A

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
7.	Kajian semula kadar perkhidmatan sewaan pokok hiasan di Jabatan Taman Botani Negeri Pulau Pinang.	Surat Permohonan Kelulusan Penyelarasan Semula Kadar Perkhidmatan Sewaan Pokok Hiasan di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang [Ruj. JTB/PP/02/085 Jld. 20 (100)] telah dihantar kepada JKN pada 20 Februari 2025 untuk pertimbangan bagi kelulusan kadar perkhidmatan sewaan yang baru.	Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah menerima kelulusan kadar baharu perkhidmatan sewaan pokok hiasan pada 11 Mac 2025 dari pihak JKN (Ruj.: JKNPP/400/3/87 (38). Kadar baharu berkuatkuasa mulai 1 April 2025. Untuk makluman, Unjuran Hasil Tahun 2025 ialah RM42,000.00 meliputi semua jenis perihal hasil.	Jumlah kutipan hasil perkhidmatan sewaan pokok hiasan sehingga 31 Ogos 2025 ialah RM24,396.00
8.	Cadangan kerjasama dengan swasta sebagai operator / pengurus kuarters-kuarters Kerajaan Negeri.	Satu perbincangan dengan semua pemegang taruh dan agensi berkaitan berhubung cadangan bagi melaksanakan perolehan secara RFP bagi tanah kerajaan di Lengkok Jeselton dan Kampung 18 telah diadakan pada 19 Februari 2025 bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi berkaitan kesesuaian jenis pembangunan yang boleh dicadangkan dalam TOR kelak. Hasil perbincangan telah memutuskan agar RFP hanya		

LAMPIRAN A

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) * JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR * JIKA BERKAITAN
		<p>dilaksanakan bagi pembangunan tanah kerajaan di Lengkok Jeselton sahaja manakala satu (1) unit kuarters (sebagai percubaan) di Kampung 18 akan dikenal pasti bagi cadangan menyewakan premis tersebut kepada pihak swasta untuk dijadikan premis komersial.</p> <p>Pihak BKP dalam proses pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyedia RFP berdasarkan PK2.8, Pekeliling Perbendaharaan.</p> <p>Pihak BKP juga telah memohon penilaian hartanah daripada JPPH bagi mendapatkan harga pasaran sebelum kuarters-kuarters yang tidak berpenghuni di Kampung 18 tersebut boleh ditawarkan kepada syarikat luar untuk dikomersilkan.</p>		
9.	Semakan Semula Kadar fi hotel di Negeri Pulau Pinang	<p>Satu sesi ikut urus bersama Persatuan-persatuan hotel di Pulau Pinang telah diadakan pada 21 Ogos 2025 yang dipengerusikan oleh YB Wong Hon Wai, EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif. Sesi tersebut turut dihadiri oleh</p>	Anggaran - RM11,500,000	Hasil Sebenar - RM9,198,740

LAMPIRAN A

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		<p>wakil-wakil daripada JKN, Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Persatuan Perhotelan serta Penang Global Tourism.</p> <p>Dalam perbincangan tersebut, pelbagai isu dan cadangan telah dibangkitkan, termasuk cadangan kadar baharu fi hotel yang dikemukakan oleh YB EXCO iaitu pada kadar tidak melebihi kadar yang dikenakan di Melaka, iaitu antara RM3 hingga RM5.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, sehingga kini pihak BKT masih menunggu kadar baharu fi hotel tersebut oleh pihak YB EXCO/BPEN (Pelancongan) serta kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Pihak BKT akan melaksanakan pindaan terhadap kadar fi hotel di bawah Undang-undang Kecil Hotel hanya setelah kadar baharu tersebut</p>		

LAMPIRAN A

BIL.	KENYATAAN HASIL	STATUS TERKINI	UNJURAN HASIL 2025 (BERDASAR BUKU BAJET) *JIKA BERKAITAN	PENCAPAIAN HASIL SEBENAR *JIKA BERKAITAN
		dimuktamadkan dan diluluskan oleh MMKN.		

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

3. Apakah bentuk kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan sektor swasta dalam memperkukuh pembelajaran digital di sekolah-sekolah di Pulau Pinang?
 - (a) Adakah syarikat teknologi tempatan terlibat sejak 2023?
 - (b) Berapa banyak sekolah telah menerima manfaat dan senaraikan mengikut daerah serta jenis sekolah?
 - (c) Apakah inisiatif baharu dirancang untuk tahun 2026?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Science Cluster (PSC), Penang STEM Sdn. Bhd. dan Penang Tech Centre menjalin kerjasama strategik dengan sektor swasta bagi memperkukuh pembelajaran digital di sekolah-sekolah. Syarikat-syarikat swasta bekerjasama memberikan sokongan dalam bentuk sumbangan kewangan (*cash contribution*) serta bimbingan dan kepakaran (*mentorship*) kepada pelajar dan guru yang terlibat.
 - (a) Sejak tahun 2023, sebanyak 17 buah syarikat teknologi tempatan telah terlibat secara aktif dalam menyokong pelaksanaan program Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) dan pelbagai inisiatif pendidikan digital. Kerjasama ini dapat memperluas jangkauan program ke lebih banyak sekolah serta menyediakan

pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan relevan dengan perkembangan industri teknologi semasa. Senarai 17 buah syarikat teknologi tempatan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Sejak 2023, sebanyak 184 buah sekolah telah menerima manfaat melalui inisiatif pembelajaran digital yang dilaksanakan oleh Penang Tech Centre, 297 buah sekolah melalui anjuran Penang STEM dan 417 buah sekolah di bawah pelaksanaan Penang Science Cluster. Inisiatif ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti bengkel digital/ STEM, pertandingan, kem dan sebagainya. Perincian jenis dan jumlah sekolah mengikut daerah yang dilaksanakan oleh tiga (3) GLC tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (c) Bagi tahun 2026, antara inisiatif baharu yang dirancang adalah seperti penganjuran Pertandingan Robotik Antarabangsa bersama Pusat Sains di rantau ASEAN, Experiental Robotics, National AI Challenge, AI Whizkids, AI-on-Wheels, Experience AI, Project Ignite, Coolest Projects Malaysia, FIRST Tech Challenge, Computer Science Core Schools, Advanced MakerLab Tracks, AI Data Science, pembelajaran kemahiran teknikal, matematik dan sebagainya.

LAMPIRAN A

SYARIKAT TEKNOLOGI TEMPATAN TELAH TERLIBAT SECARA AKTIF DALAM MENYOKONG PELAKSANAAN PROGRAM STEM

BIL.	SYARIKAT
1	VITROX TECHNOLOGIES SDN BHD
2	MI EQUIPMENT
3	GREATECH
4	INARI TECHNOLOGY SDN BHD
5	PENTAMASTER CORPORATION BHD
6	NSW AUTOMATION
7	GSH PRECISION
8	WIITRAC
9	NATIONGATE
10	ELLIANCE
11	A2 AUTOMATION
12	PROJET TECHNOLOGY
13	SOPHIC AUTOMATION
14	AEMULUS
15	UWC INDUSTRIAL SDN BHD
16	DUFU TECHNOLOGY
17	SNS NETWORK

LAMPIRAN B

**PERINCIAN JENIS DAN JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT DAERAH YANG
DILAKSANAKAN OLEH PENANG TECH CENTRE**

DAERAH	JENIS SEKOLAH				
	SK	SJKC	SJKT	SMK	JUMLAH SEKOLAH
SPT	10	4	3	12	29
SPU	12	5	3	10	30
SPS	5	2	5	7	19
DBD	13	9	1	10	33
DTL	18	22	4	29	73
JUMLAH	58	42	16	68	184

LAMPIRAN B

**PERINCIAN JENIS DAN JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT DAERAH
YANG DILAKSANAKAN OLEH PENANGG STEM**

DAERAH	JENIS SEKOLAH									
	SK	SJKC	SJKT	SR AGAMA	SMK	SMK AGAMA	SM TEKNIK	KOLEJ VOKASIONAL	JUMLAH SEKOLAH	
SPT	23	12	5	1	23	-	-	-	64	
SPU	22	12	2	-	21	-	-	-	57	
SPS	10	8	2	-	15	-	1	1	36	
DBD	14	14	1	-	9	1	-	1	40	
DTL	25	33	3	-	34	3	1	1	100	
Jumlah	94	79	13	1	102	4	1	3	297	

LAMPIRAN B

PERINCIAN JENIS DAN JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT DAERAH YANG DILAKSANAKAN OLEH PENANG SCIENCE CLUSTER

DAERAH	JENIS SEKOLAH													JUMLAH SEKOLAH		
	SK	SJKC	SJKT	SR AGAMA	SK (KHAS)	SMK	SMJK	SMK AGAMA	SM AGAMA (SABK)	SM BERASRAMA PENUH	SM (KHAS)	SM TEKNIK	KOLEJ VOKASIONAL		KOLEJ TINGKATAN 6	REFUGEE
SPT	32	16	7	2	1	24	1	-	5	1	-	-	1	-	1	91
SPU	45	16	4	3	-	25	1	1	6	1	-	-	1	1	-	104
SPS	21	7	11	1	-	14	1	1	-	-	-	-	1	-	-	57
DBD	22	14	2	1	-	10	2	-	1	-	-	-	1	-	-	53
DTL	30	37	5	-	2	22	8	2	1	-	1	1	1	1	1	112
Jumlah	150	90	29	7	3	95	13	4	13	2	1	1	5	2	2	417

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

4. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menambah baik sistem pengangkutan awam tempatan di Seberang Perai Utara, khususnya sekitar Bagan Dalam dan Penang Sentral, termasuk cadangan perkhidmatan bas mini komuniti serta penyelarasan jadual feri, bas dan ETS bagi kemudahan penduduk berpendapatan rendah dan pengguna pada waktu puncak?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Sebagai pengendali utama perkhidmatan bas di Pulau Pinang, Rapid Penang komited memperkukuh sistem pengangkutan awam di Seberang Perai dan Penang Sentral yang berfungsi sebagai hab integrasi di antara bas, feri dan tren ETS.

Sebelum ini, kawasan Bagan Dalam pernah mempunyai perkhidmatan bas laluan T614 diantara Julai hingga September 2023. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kadar purata penumpang yang rendah iaitu hanya sekitar 18 orang sehari, pihak Rapid Penang telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini bagi membolehkan sumber operasi dioptimumkan ke laluan yang mempunyai permintaan lebih tinggi.

Seterusnya, pada masa ini, perkhidmatan Rapid Penang mengendalikan laluan utama iaitu 601,603, 604, 605, 613, 701, 702, 703, 706, 709, 801, EB60 dan EB80 yang menghubungkan kawasan perumahan serta pusat tumpuan

aktiviti ekonomi dengan Penang Sentral. Selain itu perkhidmatan *Rapid on Demand* (ROD) T710B turut melengkapkan rangkaian perjalanan *first mile last mile* pengguna bagi kemudahan komuniti setempat.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan kebolehcapaian pengangkutan awam, Rapid Penang kini sedang meneliti semula jadual operasi dan kekerapan perjalanan serta kesesuaian bagi memastikan penawaran perkhidmatan lebih efisien terutama di waktu puncak. Langkah ini dijangka dapat mengurangkan masa menunggu dan meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatan.

Rapid Penang akan terus melaksanakan pendekatan bersepadu dan inklusif bagi membantu Kerajaan negeri dalam memastikan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya kekal efisien, boleh dipercayai, mesra rakyat dan mampan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

5. Apakah langkah komprehensif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani peningkatan kes influenza dalam kalangan pelajar sekolah?
- (a) Adakah program saringan kesihatan dilaksanakan di sekolah-sekolah?
 - (b) Adakah pelan tindakan bersama Jabatan Pendidikan dirangka?
 - (c) Apakah bentuk bantuan atau sokongan diberikan kepada pelajar yang dijangkiti atau terjejas akibat wabak ini?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan *Townhall Meeting* bersama institusi-institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah:
- (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;
 - (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama;

- (iii) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;
- (iv) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar anak ke sekolah; dan
- (v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* Di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 30 Jun 2022, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan penularan influenza di Institusi Pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

- (a) Program saringan kesihatan dilaksanakan di sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang bagi memastikan kesihatan murid pada tahap optimum, meliputi saringan kesihatan fizikal dan mental yang dijalankan secara berkala dari pra sekolah hingga Tingkatan 5. KPM juga akan meningkatkan kekerapan saringan kesihatan mental pelajar.
- (b) Ya, beberapa pelan strategik telah dirangka oleh Kerajaan Negeri bersama-sama agensi yang terlibat bagi terus mengekang influenza di negeri ini. JKNPP sentiasa memantau trend aktiviti influenza atau wabak jangkitan saluran pernafasan melalui sistem pelaporan sedia ada serta mengenal pasti lokasi-lokasi yang menjadi *hotspot* bagi penyakit ini di Pulau Pinang terutamanya di institusi pendidikan.

Dengan itu, langkah-langkah utama yang di ambil oleh JKNPP adalah bekerjasama dengan beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Penerangan, JPNPP dan pihak-pihak lain bagi mengekang influenza daripada terus meningkat. Hebahan kepada masyarakat melalui media massa dan media sosial turut dilaksanakan.

Institusi pendidikan yang mempunyai kes influenza pula akan berhubung terus dengan PKD bagi memantau dan memastikan keadaan terkawal dan selamat.

- (c) Sehingga kini, tiada peruntukan kewangan bagi mereka yang dijangkiti wabak influenza. Murid-murid yang dijangkiti influenza diberikan sokongan psikologi oleh guru kelas dan guru kaunseling.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

6. Apakah status pelaksanaan Sistem MyKADUN yang masih belum digunakan sepenuhnya di semua kawasan DUN dan dilaporkan kurang mesra pengguna bagi Pegawai Seranta?
- (a) Berapa banyak KADUN yang aktif menggunakan sistem ini?
 - (b) Apakah punca utama kelewatan peluasan?
 - (c) Adakah kerajaan bercadang menaik taraf sistem serta memperkukuh latihan penggunaan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Sistem MyKADUN telah dilancarkan di semua 40 Pusat Khidmat KADUN pada tahun 2024. Pelaksanaannya turut diperluaskan ke semua 13 Pusat Khidmat Ahli Parlimen di Pulau Pinang pada tahun 2025.
- (a) Penggunaan Sistem MyKADUN di Pusat Khidmat KADUN adalah seperti di **JADUAL 1**.

**JADUAL 1: PENGGUNAAN SISTEM MYKADUN DI
PUSAT KHIDMAT KADUN**

BIL.	KATEGORI	JULAT TRANSAKSI*	BILANGAN PUSAT KHIDMAT
1	Sangat Aktif	> 201	10
2	Aktif	21 – 200	10
3	Kurang Aktif	1 – 20	9
4	Tidak Aktif	0	11

* Transaksi melibatkan semakan rekod pelanggan, kemaskini maklumat, pendaftaran pelanggan dan sebagainya.

- (b) Tiada kelewatan dalam peluasan pelaksanaan Sistem MyKADUN kerana sistem ini telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan berjalan dengan lancar di semua Pusat Khidmat KADUN yang dikenal pasti.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Digital Penang telah melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem MyKADUN termasuk penambahan fungsi pembaca kad pengenalan bagi memudahkan proses pendaftaran dan pengesahan data pengguna. Selain itu, latihan dan taklimat teknikal turut diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat bagi memastikan sistem ini dapat digunakan dengan lebih berkesan dan mesra pengguna di semua Pusat Khidmat KADUN.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

7. Pegawai seranta sering ditugaskan pada waktu malam dan hujung minggu bagi menjayakan program komuniti di peringkat akar umbi, apakah langkah bagi memastikan kebajikan mereka terpelihara?
- (a) Adakah elaun khas atau elaun pengangkutan akan disediakan?
 - (b) Adakah penilaian semula gred dan skim perkhidmatan pegawai seranta akan dilaksanakan bagi mengiktiraf beban tugas sebenar mereka?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Skop tugas, tanggungjawab serta waktu bekerja Pegawai Seranta ditentukan sepenuhnya oleh ADUN yang melantik, berdasarkan keperluan aktiviti komuniti setempat. Setiap ADUN telah diperuntukkan sejumlah dana khusus bagi tujuan pelantikan Pegawai Seranta di kawasan masing-masing. Setiap ADUN juga mempunyai fleksibiliti untuk menetapkan kadar upah yang mengambil kira pengalaman, tahap tanggungjawab serta keperluan tugas sebenar pegawai berkenaan, termasuk pelaksanaan aktiviti pada waktu malam atau hujung minggu.
- (a) Pada masa ini, tiada elaun khas atau elaun pengangkutan tambahan disediakan secara berpusat oleh Kerajaan Negeri. Memandangkan kadar upah bagi pegawai-pegawai ini ditentukan oleh ADUN masing-masing, adalah wajar setiap ADUN mengambil kira kompleksiti tugas Pegawai

Seranta di KADUN masing-masing semasa menetapkan kadar upah.

- (b) Pelantikan Pegawai Seranta ini dibuat secara *Contract for Service* (CFS), oleh itu tidak tertakluk kepada mana-mana skim atau gred perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam.

Semakan terhadap peruntukan bagi tujuan pembayaran upah Pegawai Seranta adalah tertakluk kepada kedudukan fiskal semasa Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

8. Apakah langkah terkini Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dalam menangani peningkatan kes buli dan salah laku pelajar di sekolah, bagi menjamin keselamatan serta kesihatan mental murid?
- (a) Berapa jumlah kes direkodkan sejak tiga tahun lalu?
 - (b) Apakah bentuk intervensi awal dilaksanakan?
 - (c) Adakah kerjasama dengan PDRM atau NGO diwujudkan bagi pencegahan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Dalam Usaha Pencegahan Buli Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP)/ Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/ Sekolah telah melaksanakan pencegahan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 12 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).Antara program yang dijalankan secara berterusan adalah seperti berikut:
- (i) Program ceramah anti-buli, Kempen anti buli dgn kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF) dan Penang Women Development Corporation (PWDC);

- (ii) Program Gerakan Kepimpinan Madani: Hentikan Salah Laku Buli Dan Seksual Tahun 2024 telah dilaksanakan pada 15 Disember 2024 hingga 13 Januari 2025;
- (iii) Kempen “Kami Benci Buli” dilaksanakan di sekolah sepanjang tahun secara berkala sewaktu perhimpunan pagi;
- (iv) Program Town Hall Discussion Kontijen Pulau Pinang Tahun 2025 “Benci Buli – Cegah dan lawan” pada 25 September 2025 di Dewan Sri Pinang;
- (v) Program “Town Hall Tribunal Antibuli: #Generasi Tanpa Buli Anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang” pada 25 September 2025 di Dewan SJKC Aik Hua
- (vi) Kempen Pencegahan Buli sempena PENANG2030 FESTIVAL KOMTAR 2025 pada 11 Oktober 2025.
- (vii) Pemasangan Banner, Bunting dan Poster pencegahan buli di sekolah.
- (viii) Pemerksaan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) dengan melaksanakan program seperti:
 - (a) Pelaksanaan Program Duta Sahsiah dan Kit Duta Sahsiah;
 - (b) Program Kit 5 min bersama Guru Bimbingan & Kaunseling (GBK);
 - (c) Lawatan Asrama bersama PDRM serta Terjah asrama; dan
 - (d) Pembudayaan Sahsiah Terpuji.

- (b) Menurut pihak rekod pihak PDRM Pulau Pinang jumlah kes yang direkodkan adalah seperti berikut:

STATISTIK KES BULI MENGIKUT DAERAH

DAERAH	TAHUN						JUMLAH
	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN – 21/10/25)	
TL			2	11	11	8	32
BD		1	1	3	2	5	12
SPU	1			4	8	8	21
SPT				4	3	1	8
SPS	1		1	1	8	9	20
JUMLAH	2	1	4	23	32	31	93

- (c) Bentuk intervensi awal yang dilaksanakan bagi menangani kes buli dan salah laku pelajar adalah seperti berikut:

(1) Pencegahan Awal:

- (i) Kempen dan ceramah anti-buli bersama PDRM & NGO;
- (ii) Program Buddy System dan Rakan Sebaya
- (iii) Latihan guru mengenal pasti murid berisiko; dan
- (iv) Aktiviti kesedaran seperti mural & video anti-buli.

(2) Pembangunan Sahsia & Emosi:

- (i) Sesi kaunseling berkala oleh Unit Bimbingan & Kaunseling;
- (ii) Latihan kemahiran sosial dan pengurusan emosi;
- (iii) Program jati diri dan kepimpinan murid; dan
- (iv) Penglibatan ibu bapa dalam pemantauan dan sokongan.

(3) Pemulihan Awal:

- (i) Kaunseling wajib kepada pelaku dan mangsa;
- (ii) Tugasan khidmat komuniti dan pemantauan berterusan; dan
- (iii) Bimbingan sahsiah dan mentor rakan sebaya.

(4) Tindakan Krisis (Jika Kes Serius):

- (i) Kaunseling trauma untuk mangsa;
 - (ii) Laporan kepada Polis dan JPNPP jika perlu; dan
 - (iii) Pelan pemulihan sebelum kembali ke sekolah.
- (d) Kerajaan Negeri melalui JPNPP telah mengadakan kerjasama dengan PDRM bagi tujuan pencegahan. Antaranya adalah setiap sekolah telah ditempatkan seorang pegawai perhubungan yang terdiri daripada PDRM yang akan sentiasa memantau pelajar termasuk berkaitan kes buli. JPNPP juga sering mengadakan lawatan/terjah ke asrama sekolah bersama PDRM dalam usaha mencegah kegiatan buli di sekolah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

9. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui EXCO Pendidikan bagi memperkukuh perkhidmatan kaunseling di sekolah-sekolah seluruh negeri untuk menjamin kesejahteraan mental pelajar?
- (a) Adakah nisbah kaunselor kepada pelajar mencukupi?
 - (b) Adakah pelajar berisiko dipantau secara berkala?
 - (c) Apakah bentuk sokongan psikologi dan intervensi disediakan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang(JPNPP)?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang telah menjalankan saringan minda sihat kepada murid sebanyak 2 kali setahun dan menjalankan intervensi umum dan khusus untuk membantu murid yang memerlukan bantuan dalam kesihatan mental.

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama erat dengan semua agensi di Pulau Pinang bagi memastikan setiap isu berkaitan pendidikan dapat diatasi secara bersama-sama dan praktikal.

- (a) Nisbah Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) kepada bilangan murid adalah 1 GBK : 500 murid. Nisbah ini adalah tertakluk kepada nisbah yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan. Di sekolah Menengah bilangan GBK adalah mengikut nisbah yang telah ditetapkan. Namun di sekolah rendah masih terdapat kekurangan GBK seramai 41 orang seluruh negeri Pulau Pinang
- (b) Menurut JPNPP, semua pelajar berisiko dalam kesihatan mental akan dipantau oleh Guru Bimbingan & Kaunseling (GBK) secara harian dan turut dipantau oleh para guru dikelas. Selain itu, semua murid dalam konteks kesihatan mental akan mengikuti sesi intervensi krisis sebelum dirujuk kepada institusi kesihatan.
- (c) Semua kes murid dalam kategori kesihatan mental akan mengikuti sesi intervensi krisis dan mengikuti program berdasarkan modul Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

10. Apakah langkah komprehensif diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kes pengabaian dan penderaan warga emas di negeri ini?
- (a) Adakah program intervensi komuniti dijalankan untuk pengesanan awal?
 - (b) Berapakah kes dirujuk kepada JKM sejak 2023?
 - (c) Adakah kerajaan bercadang memperkenalkan hotline khas aduan warga emas terabai bagi mempercepat tindakan penyelamatan dan bantuan sosial?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan pendekatan menyeluruh bagi mengurangkan kes pengabaian dan penderaan warga emas melalui intervensi berasaskan komuniti serta pengukuhan jaringan sokongan sosial.
- (a) Antara inisiatif utama ialah Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pertubuhan sukarelawan. Program ini memberi bantuan kepada warga emas yang tinggal bersendirian atau tiada waris melalui penyediaan makanan, penjagaan diri, pembersihan rumah, sokongan emosi, serta bantuan mendapatkan rawatan kesihatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menubuhkan Sukarelawan Mutiara bersama ADUN dan rakan strategik seperti Pertubuhan Buddhist Tzu-chi Merits Malaysia bagi memperkukuh pelaksanaan KBDR. Sukarelawan Mutiara bertindak sebagai penghubung antara kerajaan dan masyarakat untuk mengesan awal kes pengabaian serta menyantuni warga emas di peringkat komuniti.

Pendekatan ini bukan sahaja memastikan kebajikan warga emas terpelihara, malah memperkukuh semangat kejiranan dan budaya kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang.

- (b) Berdasarkan semakan rekod Talian Kasih 15999 dari tahun 2023 hingga kini, tiada aduan berkaitan pengabaian atau penderaan warga emas telah diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang.
- (c) Talian Kasih 15999 yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berfungsi sebagai saluran utama untuk laporan kecemasan sosial, termasuk pengabaian atau penderaan warga emas. Setiap aduan yang diterima akan dirujuk kepada Penyelaras Warga Emas Daerah atau Pegawai Kes untuk siasatan di lapangan. Jika perlu, kes turut dibawa ke Bahagian Kaunseling untuk sesi bimbingan bersama keluarga.

Bagi kes penderaan, aduan diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Pendekatan ini memastikan tindakan penyelamatan dan bantuan sosial dijalankan secara segera dan menyeluruh.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

11. Apakah pelan kerajaan untuk memperluas dan memperkukuh PAWE bagi menyokong kesejahteraan warga emas?
- (a) Berapakah PAWE beroperasi dan indikator keberkesanannya sejak dimulakan?
 - (b) Adakah penambahan dirancang di Seberang Perai Utara?
 - (c) Bagaimanakah prestasi Pulau Pinang dibandingkan dengan negeri lain serta adakah geran tahunan operasi disediakan bagi menjamin kelestarian pusat ini?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Pelan Kerajaan Negeri untuk memperluas dan memperkukuh Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dilaksanakan melalui pendekatan bersepadu yang memberi penekanan kepada sokongan program, pembangunan kapasiti dan bantuan kewangan bagi menggalakkan warga emas untuk menganjurkan pelbagai aktiviti di pusat masing-masing yang bersifat inklusif dan berimpak kepada komuniti.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Kempen Warga Emas Celik, dan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menggerakkan semua pertubuhan PAWE untuk menganjurkan program berteraskan 5 komponen di bawah kempen ini. Pejabat MMK Pembangunan Sosial turut menyediakan sokongan strategik dengan membawa masuk

rakan kolaborasi seperti agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi melaksanakan aktiviti untuk memberi impak positif serta membangunkan kemahiran warga emas.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM2,000 kepada setiap PAWE sebagai galakan untuk melaksanakan aktiviti yang selaras dengan objektif kempen dan memberi manfaat terus kepada komuniti warga emas.

- (a) Setakat ini, terdapat sembilan (9) buah PAWE yang telah mula beroperasi di Negeri Pulau Pinang iaitu:
- (i) PAWE Sungai Dua;
 - (ii) PAWE Permatang Pauh;
 - (iii) PAWE Bukit Mertajam;
 - (iv) PAWE Batu Kawan;
 - (v) PAWE Bayan Baru;
 - (vi) PAWE Balik Pulau;
 - (vii) PAWE Bukit Bendera;
 - (viii) PAWE Jelutong; dan
 - (ix) PAWE Kepala Batas;

Keberkesanan pelaksanaan PAWE dapat dilihat melalui beberapa indikator utama. Antaranya ialah peningkatan kadar penyertaan warga emas dalam aktiviti komuniti, di mana semakin ramai warga emas terlibat secara aktif dalam program senamrobik, kelas kemahiran, keusahawanan dan aktiviti sosial yang dijalankan di PAWE. Selain itu, terdapat peningkatan tahap kesejahteraan sosial dan mental warga emas hasil daripada interaksi berterusan sesama rakan sebaya dan sokongan komuniti.

Di samping itu, PAWE berjaya berfungsi sebagai platform pembangunan komuniti apabila warga emas bukan sahaja menjadi penerima manfaat, tetapi turut menjadi tenaga penggerak dalam merancang dan melaksanakan aktiviti. Keberkesanan ini turut terserlah melalui pengiktirafan dan sokongan berterusan Kerajaan Negeri yang turut memperkenalkan inisiatif Bandar Mesra Usia dan program seperti Kempen Warga Emas Celik, yang memberi fokus kepada pembangunan kemahiran sosial, digital dan kewangan warga emas.

Secara keseluruhannya, indikator-indikator ini menunjukkan bahawa PAWE telah mencapai objektif asal penubuhannya, dan kini berkembang sebagai pusat komuniti dinamik yang memperkasa warga emas untuk kekal sihat, produktif dan dihargai dalam masyarakat.

- (b) Buat masa ini, tiada perancangan untuk menambah PAWE di Daerah Seberang Perai Utara. Penubuhan PAWE baharu adalah bergantung kepada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai data perbandingan prestasi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) antara negeri-negeri lain. Untuk makluman, kesemua PAWE ini menerima bantuan kewangan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM50,000.00 setahun bagi tujuan pengoperasian pusat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

12. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkasa Buletin Mutiara sebagai medium rasmi penyampaian dasar, program dan pencapaian kerajaan kepada rakyat?
- (a) Berapakah kos penerbitan dan edaran tahunan Buletin Mutiara?
 - (b) Adakah edisi digital menunjukkan peningkatan capaian pembaca?
 - (c) Apakah langkah bagi memastikan liputan lebih menyeluruh dan seimbang khususnya di kawasan Seberang Perai?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Dalam terus memperkasakan Buletin Mutiara sebagai medium rasmi penyampaian dasar, program dan pencapaian Kerajaan Negeri kepada rakyat, kandungan penerbitan berita harian adalah berpaksikan kepada intipati manifesto pilihan raya, Visi Penang2030 serta kerangka Malaysia Madani yang digagaskan oleh Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan. Bukan itu sahaja, medium penyebaran seperti platform media sosial diperluaskan selaras dengan era pendigitalan, tanpa mengabaikan naskah cetakan yang memiliki audiens dan kepentingan penjenamaannya tersendiri.

Dalam pada itu, beberapa pendekatan strategik turut diambil, termasuk:

- (i) Penyediaan Pelan Komunikasi Strategik Negeri Pulau Pinang;
 - (ii) Penglibatan maklumat secara langsung oleh semua Ahli Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen, Agensi Berkaitan Negeri (GLC), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain, dengan menetapkan piawaian mesej dan saluran komunikasi rasmi bersepadu yang efektif;
 - (iii) Mengoptimumkan penggunaan platform digital dan teknologi baharu;
 - (iv) Mengurus krisis komunikasi dan memperkukuh jaringan dengan pengamal media;
 - (v) Peralihan kepada separa digital Buletin Mutiara (edisi interaktif dalam talian);
 - (vi) Memastikan semua komunikasi patuh kepada dasar bahasa, undang-undang dan etika komunikasi awam; dan
 - (vii) Pelaksanaan tinjauan bagi mengetahui tahap penerimaan umum terhadap Buletin Mutiara.
- (a) Kos penerbitan dan edaran tahunan Buletin Mutiara adalah seperti berikut:

- (i) Kos penerbitan

2020: RM3,840,000.00

2021: RM3,840,000.00

2022: RM4,860,000.00

2023: RM4,860,000.00

2024: RM3,600,000.00

2025 (Januari – Ogos): RM2,400,000.00

(ii) Kos edaran

2020: RM1,152,000.00

2021: RM1,152,000.00

2022: RM1,152,000.00

2023: RM1,152,000.00

2024: RM672,000.00

2025 (Januari – Ogos): RM448,000.00


(b) Perbandingan capaian laman web Buletin Mutiara (www.buletinmutiara.com) bagi tahun 2024 dan 2025 untuk tempoh bulan Januari hingga September adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(c) Lazimnya, liputan Buletin Mutiara adalah seimbang meliputi kedua-dua bahagian iaitu Pulau dan Seberang Perai. Selain program-program yang dijalankan oleh barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), para Ahli Parlimen (MP), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), liputan yang diberikan juga adalah berbentuk wawancara, liputan khas serta tinjauan khas.

Sebagai makluman, maklumat berhubung liputan yang dibuat adalah berdasarkan penganjuran program-program, sumber dan permintaan yang diperolehi daripada barisan ADUN, MP, PBT, NGO serta badan-badan berkaitan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN A


WEBSITE VISITORS & VIEWS (2024)



Website recorded a total **3,335,926** page views and a total of **665,498** visitors. Average page view per visitor is **5.05** views.

Event name	Event count	Total users	Event count per active user	Total revenue
Total	3,335,926	665,498	5.05	\$0.00
1 page_view	1,745,197 (54.33%)	658,352 (98.63%)	1.76	\$0.00 (-)
2 session_start	896,182 (26.86%)	655,923 (98.5%)	1.38	\$0.00 (-)
3 user_engagement	669,216 (20.06%)	399,582 (59.84%)	1.72	\$0.00 (-)
4 first_visit	625,331 (18.75%)	624,270 (93.3%)	0.99	\$0.00 (-)

WEBSITE VISITORS & VIEWS (2025)



Website recorded a total **3,406,732** page views and a total of **685,370** visitors. Average page view per visitor is **5.02** views. Both **Page Views** and **Total Visitors** increased as compared to the same period in 2024.

Event name	Event count	Total users	Event count per active user	Total revenue
Total	3,406,732	685,370	5.02	\$0.00
1 page_view	1,742,122 (51.5%)	684,785 (99.9%)	1.69	\$0.00 (-)
2 session_start	937,749 (27.5%)	684,246 (99.8%)	1.38	\$0.00 (-)
3 user_engagement	668,744 (19.6%)	393,652 (57.4%)	1.72	\$0.00 (-)
4 first_visit	658,116 (19.3%)	660,463 (97.3%)	1.00	\$0.00 (-)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

13. Apakah langkah segera dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan Negeri bersama agensi Persekutuan, PDRM, JIM, serta UNHCR bagi menangani peningkatan penempatan komuniti Rohingya di kawasan Bagan Dalam, termasuk aspek keselamatan awam, kawalan kesihatan, kebersihan, integrasi sosial, penyediaan penempatan sementara serta kawalan kemasukan baharu secara menyeluruh dan berkesan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Berikut merupakan perancangan langkah segera dan jangka panjang bagi mengatasi secara menyeluruh dan berkesan dalam menangani peningkatan penempatan komuniti Rohingya.

Langkah Segera

- (a) Pemantauan dan Penguatkuasaan Keselamatan:

- (i) PDRM, JIM bersama RELA dan PBT telah meningkatkan rondaan serta operasi bersepadu di kawasan penempatan bagi memastikan keselamatan awam dan mencegah aktiviti jenayah.

- 1) Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 23 (semakan 2023) adalah garis panduan utama kerajaan Malaysia untuk menguruskan pelarian dan pemohon suaka, yang merangkumi dasar dan mekanisme untuk menyelia isu berkaitan pelarian,

termasuk peranan agensi kerajaan yang terlibat. Arahan ini juga termasuk cadangan bantuan sosial untuk pelarian yang berdaftar dan kemungkinan kebenaran bekerja secara sah, serta menekankan bahawa kad UNHCR tidak melindungi pemegang daripada undang-undang Malaysia sekiranya berlaku pelanggaran.

2) Pendataan dan pengesahan identiti oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi memastikan status pendatang didokumenkan dan tindakan sewajarnya diambil terhadap mereka yang tidak sah.

(b) Kawalan Kesihatan dan Kebersihan:

(i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah menjalankan pemeriksaan kesihatan berkala bagi mencegah penularan penyakit berjangkit seperti TB, demam denggi, dan COVID-19.

(ii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil langkah segera membersihkan kawasan penempatan dan menyediakan tong sampah serta sistem kutipan sisa yang lebih teratur.

(c) Peningkatan Infrastruktur dan Sanitasi:

(i) Pembangunan semula kawasan berisiko dengan penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, tandas awam, dan sistem saliran bagi mengurangkan risiko kesihatan awam.

(ii) Pelaksanaan program gotong-royong komuniti secara berkala melibatkan penduduk tempatan dan komuniti Rohingya di bawah inisiatif "Komuniti Harmoni dan Bersih".

Langkah Jangka Panjang

(a) Pelan Penempatan dan Integrasi Sosial:

- (i) Kajian bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi antarabangsa seperti UNHCR untuk mencari penyelesaian jangka panjang mengenai status pelarian dan penempatan terkawal yang lebih sistematik.
 - (ii) Malaysia, sebagai bukan negara pihak kepada Konvensyen Pelarian 1951, memberikan bantuan berdasarkan dasar kemanusiaan dan membenarkan pelarian berada sementara di dalam negara tertakluk kepada undang-undang sedia ada sebelum ditempatkan semula atau pulang ke negara asal.
 - (iii) Kerajaan bercadang menyediakan bantuan sosial kepada pelarian yang berdaftar dengan kerajaan dan UNHCR, termasuk kemungkinan kebenaran bekerja secara sah.
 - (iv) Program pendidikan komuniti dan kesedaran sivik bagi memperkukuh kefahaman komuniti tempatan dan menggalakkan keharmonian sosial.
 - (v) Kad UNHCR tidak memberikan kekebalan daripada undang-undang Malaysia. Sebarang pelanggaran peraturan akan tertakluk kepada undang-undang dan hukuman di Malaysia.
 - (vi) JIM bekerjasama dengan UNHCR dalam memastikan hanya pemegang kad sah berada di negeri ini, selain memperkukuh Program Kesedaran Komuniti (Outreach) bagi mengawal isu sosial dan kesihatan awam.
- (b) Peningkatan Infrastruktur dan Sanitasi:
- (ii) Pembangunan semula kawasan berisiko dengan penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, tandas awam, dan sistem saliran bagi mengurangkan risiko kesihatan awam.
 - (iii) Pelaksanaan program gotong-royong komuniti secara berkala melibatkan penduduk tempatan dan

komuniti Rohingya di bawah inisiatif "Komuniti Harmoni dan Bersih".

(c) Pemantauan dan Pelaporan Berkala:

- (i) Penubuhan Pasukan Petugas Tetap Negeri yang melibatkan Kerajaan Negeri, PDRM, JIM, KKM, PBT, dan agensi berkaitan untuk memantau perkembangan, mengkoordinasi tindakan, serta melapor secara berkala kepada Majlis Keselamatan Negeri (MKN).
- (ii) Tindakan bersepadu akan diteruskan bagi mengawal kemasukan baharu, mengekang penempatan haram, serta menjaga kesejahteraan awam.

(d) Kawalan Kesihatan dan Kebersihan:

- (i) Secara umumnya Jabatan ini tidak terlibat di dalam sebarang program yang melibatkan komuniti Rohingya termasuk sebarang program kesihatan. Namun demikian, sekiranya terdapat pesakit Rohingya yang datang ke mana-mana hospital kerajaan, rawatan yang sewajarnya akan diberikan. Sekiranya terdapat sebarang pelaporan yang diperlukan seperti penyakit berjangkit, penyakit kawalan, wabak dan lain-lain, pihak hospital akan melakukan pelaporan yang diperlukan ke Bahagian-Bahagian atau Jabatan-Jabatan yang berkenaan.

Selain itu juga sekiranya pesakit hadir ke Klinik Kesihatan, mereka akan diberikan rawatan yang sewajarnya. Untuk imunisasi kanak-kanak, hanya imunisasi yg diberikan pengecualian akta fi sahaja yang akan diberikan secara percuma iaitu DTaP-IPV-HB-Hib (Difteria-Tetanus-Pertusis-polio-hepatitis B-Hemophilus influenzae type b) dan juga pada ketika ini utk vaksin MR (Measles-Rueblla) bagi program MRSIA. Vaksin lain atau perkhidmatan yg lain, boleh diberikan jika mereka boleh bersetuju bayar.

Menurut SOP Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pemakluman kepada PDRM akan dilakukan bagi kes Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang hadir atau dimasukkan(admitted) di fasiliti KKM.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

14. Apakah mekanisme audit dan kawalan dalaman dilaksanakan oleh RIBI bagi memastikan pengurusan serta penyewaan aset tanah amanah dijalankan secara telus dan tidak disewakan kepada pihak yang bercanggah dengan tujuan asal atau sensitiviti agama dan jenis pemantauan, laporan audit tahunan dan tindakan pembetulan yang dilaksanakan untuk menjamin integriti pentadbiran aset tersebut?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Bagi menjamin ketelusan dan integriti pengurusan aset, beberapa agensi yang terlibat dalam pengurusan serta penyewaan aset tanah amanah memainkan peranan penting, seperti:
- (a) Unit Audit di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang berperanan untuk:
 - (i) Menilai keberkesanan struktur kawalan dalaman organisasi bagi memastikan setiap urusan penyewaan dan pajakan mematuhi prosedur yang ditetapkan;
 - (ii) Mengesahkan kewujudan serta rekod aset majlis, termasuk tapak RIBI;

- (iii) Menjalankan semakan khas terhadap sebarang aduan, penyelewengan atau penyalahgunaan aset.
- (b) Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) yang bertanggungjawab mengurus penyewaan, pajakan dan penjualan serta pembelian tanah turut melaksanakan pemantauan pematuhan bagi memastikan tapak pajakan RIBI yang diluluskan mematuhi syarat serta tujuan asal kelulusan.

Merujuk kepada penerangan di atas, terdapat 3 jenis pemantauan yang dilaksanakan secara berkala:

- Pemantauan Pematuhan (*Compliance Monitoring*) yang dijalankan oleh pihak JPPH;
- Pemantauan Audit Dalaman (*Internal Audit Monitoring*) oleh Unit Audit MBPP dan MBSP; serta
- Pemantauan Penguatkuasaan (*Enforcement Monitoring*) yang dilaksanakan oleh agensi-agensi terlibat dalam pengurusan aset tanah amanah

Sekiranya terdapat pelanggaran syarat atau penyelewengan, tindakan pembetulan akan dilaksanakan, termasuk:

- Penguatkuasaan terhadap tapak tanpa kelulusan;
- Pembatalan sewaan atau pajakan sekiranya berlaku pelanggaran syarat;
- Pemutihan data bagi mengemaskini rekod aset; dan
- Pelaksanaan kempen kesedaran bagi meningkatkan kefahaman pihak berkaitan terhadap prosedur dan tanggungjawab mereka

Langkah-langkah ini secara keseluruhannya memastikan integriti, ketelusan, dan akauntabiliti dalam pentadbiran aset tanah amanah, termasuk tapak RIBI sentiasa terpelihara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

15. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menangani kekurangan tanah RIBI dan tapak perkuburan?
- (a) Bagaimanakah tapak baharu ditadbir secara telus serta mampan dan apakah tatakelola dan mekanisme audit yang dilaksanakan?
 - (b) Adakah kerajaan menjamin tapak ini tidak diserahkan tanpa kebenaran pihak berkepentingan setiap agama serta pengurusannya mengambil kira sensitiviti keagamaan komuniti setempat?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Menangani Kekurang Tanah RIBI dan Tapak Perkuburan
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam menangani isu kekurangan tanah bagi menampung keperluan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), termasuk:
- Pajakan tanah RIBI milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) MBPP dan MBSP;
- Pemberimilikan melalui penjualan tanah atau pajakan tanah Kerajaan Negeri melalui Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC);

Pemberimilikan melalui pajakan atau lesen pendudukan sementara (LPS) melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang atau Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) sebagai kegunaan sementara.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang juga telah melaksanakan "Kajian Perancangan Tanah Perkuburan untuk Islam dan Agama Selain Islam di Pulau Pinang" yang diterajui oleh Pasukan Perunding SD REKA. Kajian ini merangkumi penyelidikan ke atas keperluan tapak pengebumian, kemudahan pembakaran mayat (krematorium), penyimpanan abu mayat (kolumbarium) dan pelupusan abu mayat bagi memastikan perancangan tapak perkuburan yang mencukupi dan sesuai bagi kemudahan rakyat Pulau Pinang sehingga tahun 2050.

(a) Tadbir Urus, Tatakelola dan Mekanisme Audit Tapak RIBI dan Tanah Perkuburan Baharu

(i) Tanah RIBI

Mekanisme tadbir urus, tatakelola dan audit bagi tapak RIBI akan dilaksanakan oleh pentadbiran pemilik institusi kerajaan masing-masing ke atas penjualan, penyewaan, atau pajakan tapak tersebut.

(ii) Tanah Perkuburan

Bagi tanah perkuburan, kajian menunjukkan bahawa mekanisme kawalan dan pelaksanaan boleh dijalankan secara teratur melalui beberapa langkah, iaitu:

- **Mewujudkan Jadual Pengelasan Pelaksanaan:** Mengatur pelaksanaan pembangunan dan pengurusan tapak bawah seliaan badan kerajaan ataupun institusi swasta.
- **Menubuhkan Jawatankuasa dan Tanah Amanah Pembangunan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan:**

Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi tanah perkuburan.

- **Memantau Caruman Kubur bagi Pemajuan Pembangunan:** PBT akan memastikan dana yang dikutip daripada pemaju akan digunapakai untuk pembangunan dan penyelenggaraan tapak perkuburan.
- **Menetapkan Syarat Kawalan Penggunaan Ruang Perkuburan dan Kolumbarium Mengikut Kewarganegaraan:** Pengurusan dan penggunaan ruang perkuburan dan kolumbarium harus mengikut ketetapan kewarganegaraan dan kategori yang telah ditetapkan.
- **Menetapkan Carta Aliran Pembangunan Kubur Bersepadu:** Memantau pelaksanaan pembangunan di tapak baharu yang telah dikenalpasti secara sistematik dan terancang.

Mekanisme ini akan memastikan pengurusan tapak perkuburan baharu dilaksanakan secara telus, mampan, dan mematuhi garis panduan dan keperluan perancangan kerajaan negeri.

- (b) Kaedah Menjamin Pengurusan Tapak RIBI dan Tanah Perkuburan dengan mengambil kira Sensitif Keagamaan Komuniti Setempat

Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memastikan penyerahan dan pengurusan tapak RIBI serta tanah perkuburan dijalankan mengikut tatacara pengendalian piawai (SOP) yang telah ditetapkan. Setiap penyerahan tapak hanya dibuat selepas mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), serta Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMK) Hal Ehwal Bukan Islam, sambil mengambil kira pandangan dan persetujuan pihak berkepentingan bagi setiap agama. Selain itu, mekanisme pengurusan tapak menekankan pematuhan terhadap syarat penggunaan, kawalan ruang, dan garis panduan yang ditetapkan, bagi memastikan pengurusan tapak dijalankan secara adil, teratur, dan sensitif terhadap kepercayaan serta keperluan komuniti setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

16. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperluas program STEM, robotik dan AI ke sekolah rendah serta menengah di Seberang Perai, termasuk SJKT dan SK di DUN Bagan Dalam?
- (a) Apakah kerjasama dengan agensi pendidikan, industri teknologi dan institusi latihan bagi membina minat serta memperkukuh ekosistem bakat digital generasi muda?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang terdiri daripada *Tech Dome Penang* (TDP), *Penang Sciece Cluster* (PSC), *Penang Math Platform* (PMP) dan Penang STEM telah menjadi tunjang utama menggerakkan inisiatif memperluas program *Science, Technology, Engineering* dan *Mathematics* (STEM), robotik dan *Artificial Intelligence* (AI) ke sekolah rendah serta menengah di seluruh pelosok Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan Seberang Perai meliputi semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Kebangsaan. Di kawasan DUN Bagan Dalam, Sekolah Kebangsaan Kuala Perai adalah antara senarai sekolah yang terlibat dengan program anjuran PSC.

Fokus utama program yang dilaksanakan adalah untuk memastikan setiap pelajar, tanpa mengira latar belakang atau lokasi, mendapat peluang sama rata untuk terlibat dalam bidang teknologi masa depan.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui GLC yang berkaitan telah menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan rakan industri bagi memperkukuh ekosistem pembangunan bakat digital di negeri ini.

Antara rakan strategik utama termasuklah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, sekolah-sekolah rendah dan menengah, syarikat teknologi terkemuka seperti di **LAMPIRAN A** serta institusi pengajian tinggi dan latihan. Rakan industri turut memainkan peranan penting dengan menyediakan sumbangan kewangan, peralatan, tenaga pakar serta bimbingan mentor, membolehkan pelajar mendapat pengalaman sebenar dunia industri. Di samping itu, institusi pengajian tinggi menyumbang dari aspek kepakaran teknikal dan tenaga pengajar untuk memastikan kandungan pembelajaran sentiasa relevan dengan keperluan masa kini.

Matlamat utama usaha ini adalah untuk menimbulkan minat pelajar terhadap sains dan teknologi sejak awal usia, di samping membangunkan kemahiran digital serta melahirkan bakat tempatan yang bersedia menghadapi cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi masa depan.

Kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Negeri serta sekolah-sekolah setempat dalam menjayakan usaha ini amat memberi impak kepada keberkesanan program. Kerjasama ini perlu diteruskan demi memperkukuh ekosistem pendidikan STEM, robotik dan AI di Negeri Pulau Pinang.

**SENARAI SYARIKAT TEKNOLOGI
MULTINATIONAL CORPORATION (MNC)
(RAKAN STRATEGIK PROGRAM STEM, AI DAN ROBOTIK)**

BIL.	SYARIKAT
1.	Motorola Solutions (M) Sdn. Bhd.
2.	Lam Research International Sdn. Bhd.
3.	Analog Devices Sdn. Bhd.
4.	Plexus Manufacturing Sdn. Bhd.
5.	Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.
6.	Keysight Technologies Malaysia Sdn. Bhd.
7.	Emerson Network Power (Malaysia) Sdn. Bhd.
8.	AMS OSRAM OPTO Semiconductors (M) Sdn. Bhd.
9.	Boston Scientific Medical Device (Malaysia) Sdn. Bhd.
10.	HP Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd.
11.	Intel Technology Sdn. Bhd.
12.	Kontron Asia Pacific Design Sdn. Bhd.
13.	Robert Bosch (M) Sdn. Bhd.
14.	Google DeepMind (CO-PenangSTEM)
15.	Broadcom Sdn. Bhd.
16.	TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.
17.	Agilent Technologies LDA Malaysia Sdn. Bhd.
18.	Jabil Circuit Sdn. Bhd.
19.	B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd.
20.	Smith and Nephew Operations Sdn. Bhd.
21.	DELL Global Business Center Sdn. Bhd.

**SENARAI SYARIKAT TEKNOLOGI
MULTINATIONAL CORPORATION (MNC)
(RAKAN STRATEGIK PROGRAM STEM, AI DAN ROBOTIK)**

BIL.	SYARIKAT
1.	ViTrox Corporation Berhad
2.	Inari Technology Sdn. Bhd.
3.	GREATECH (M) Sdn. Bhd
4.	SNS Network Technology Berhad
5.	Pentamaster Corporation Berhad

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

17. Apakah kaedah dan garis panduan Kerajaan Negeri memastikan tapak RIBI diserahkan pemaju mempunyai keluasan mencukupi, lokasi strategik dan sesuai untuk tujuan keagamaan?
- (a) Adakah kerajaan akan memperkenalkan penilaian teknikal wajib atau dasar minimum keluasan tapak RIBI seperti amalan MAINPP bagi menjamin keadilan, ketelusan serta keberkesanan dalam penyerahan tanah oleh pemaju?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mewajibkan bahawa setiap projek pembangunan perumahan baharu yang dikemukakan oleh pihak pemaju harus mematuhi dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Pelan bangunan yang dikemukakan harus mengambilkira penyediaan fasiliti kemudahan masyarakat, termasuk tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), selaras dengan dasar perancangan pembangunan yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri.

Bagi konteks MBPP, "Garis Panduan untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru – Lampiran H.2" digunakan.

- (a) Skop Pematuhan :
- (i) Hanya terpakai bagi pemajuan perumahan yang mengandungi lima (5) unit dan ke atas.
 - (ii) Tidak terpakai kepada pemajuan rumah kedai.
- (b) Keluasan Tapak :
- (i) Piawaian: 0.10 meter persegi luas tanah bagi setiap penduduk, bersamaan 500 meter persegi bagi setiap 500 penduduk.
 - (ii) Tapak yang disediakan hendaklah berasingan dan tidak boleh digabung (offset) dengan kemudahan masyarakat lain.
 - (iii) Tapak tersebut adalah khusus untuk kegunaan rumah ibadat / kemudahan keagamaan sahaja.
- (c) Lokasi Tapak :
- (i) Tapak RIBI hendaklah sesuai dan memuaskan kepada Majlis, dengan mengambil kira lokasinya mudah diakses dari jalan utama dan utiliti asas setempat.
 - (ii) Keluasan tapak perlu menampung bangunan rumah ibadat yang munasabah dengan saiz ruang lantai minimum 10 meter persegi, serta anjakan dari sempadan plot atau bangunan terdekat mengikut piawaian perancangan dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL).

(d) Penyerahan Tapak :

- (i) Tapak RIBI yang disediakan oleh pemaju hendaklah diserahkan kepada Majlis dengan harga namaan RM 1.00 seplot.
- (ii) Sebarang permohonan untuk memiliki tapak tersebut oleh pertubuhan keagamaan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam Negeri Pulau Pinang untuk pertimbangan.

Bagi konteks MBSP, "Garis Panduan Piawaian Perumahan Majlis Bandaraya Seberang Perai – Penyediaan Kemudahan Awam" digunapakai.

(a) Keluasan Tapak :

- (i) Piawaian: 0.10 meter persegi luas tanah bagi setiap penduduk, atau bersamaan 0.39 meter persegi bagi setiap unit kediaman.
- (ii) Piawaian ini bertujuan memastikan keluasan tapak RIBI mencukupi bagi menampung keperluan komuniti setempat dalam pembangunan perumahan baharu.

(b) Lokasi Tapak :

- (i) Cadangan tapak RIBI di bawah atau di dalam bangunan berstrata tidak dibenarkan bagi menjaga kesesuaian dan keharmonian fungsi keagamaan.

(c) Pengecualian Penyediaan Tapak :

- (i) Bagi pemaju yang ingin memohon pengecualian daripada penyediaan tapak RIBI secara fizikal, rayuan hendaklah disertakan

dengan pelan susun atur dan pelan bangunan yang menunjukkan lokasi sedia ada tapak RIBI terdekat di kawasan pembangunan tersebut; dan;

- (ii) Justifikasi yang munasabah serta bukti bahawa keperluan komuniti keagamaan di kawasan berkenaan telah pun dipenuhi.

Sekiranya pemaju tidak dapat menyediakan tapak yang memuaskan atau tapak yang dicadangkan tidak boleh diterima oleh PBT, pemaju boleh menawarkan sumbangan kewangan sebagai ganti tapak fizikal. Kadar dan zon nilai sumbangan adalah ditetapkan mengikut perhitungan PBT. Semua sumbangan kewangan ini akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (TARIBI) di bawah seliaan PBT, untuk digunakan bagi tujuan penyediaan kemudahan RIBI di masa hadapan.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mempunyai garis panduan sedia ada berhubung dasar penyediaan dan penyerahan tapak rumah ibadat bukan Islam (RIBI) oleh pemaju dalam projek pembangunan perumahan baharu. Sehubungan itu, tiada perancangan untuk memperkenalkan penilaian teknikal wajib atau menetapkan dasar keluasan minimum tapak RIBI seperti amalan yang dilaksanakan oleh MAINPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

18. Apakah perancangan strategik kerajaan untuk menjadikan kawasan seperti Butterworth sebagai zon pelancongan utama dalam negeri ini?
- (a) Apakah tarikan warisan, seni dan ekonomi yang akan diperkukuh di sana?
 - (b) Apakah pelaburan dan inisiatif pembinaan kemudahan sokongan pelancongan dirancang?
 - (c) Bagaimanakah komuniti tempatan akan dilibatkan agar pembangunan pelancongan memberi manfaat langsung kepada rakyat setempat?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi tumpuan kepada usaha promosi bersepadu bagi memperkenalkan Butterworth sebagai zon pelancongan utama negeri melalui pelaksanaan kempen digital dan promosi media sosial oleh *Penang Global Tourism* (PGT). Usaha ini melibatkan penghasilan video promosi, kandungan kreatif dan kolaborasi bersama pempengaruh media sosial bagi menonjolkan keunikan destinasi pelancongan di Butterworth. Kempen ini dijalankan secara strategik di platform seperti Facebook, Instagram, TikTok dan YouTube untuk menarik minat pelancong muda serta pasaran serantau. Selain itu, PGT turut memperkenalkan kempen bertema seperti "*The Other Side of Penang*" yang menampilkan Seberang Perai

sebagai destinasi pelancongan alternatif dengan tarikan seni, budaya dan komuniti setempat.

Melalui pendekatan ini, Butterworth bukan sahaja diposisikan sebagai pintu masuk utama ke Pulau Pinang, tetapi juga sebagai destinasi pelancongan tersendiri yang menonjolkan warisan tempatan, kehidupan komuniti, dan daya tarikan baharu berpotensi tinggi untuk menarik pelancong domestik dan antarabangsa. Selain itu, inisiatif pelancongan berasaskan kereta api turut digalakkan, dengan promosi laluan Kuala Lumpur–Butterworth dan Thailand–Butterworth yang menawarkan pengalaman perjalanan unik dan selesa kepada pelancong.

Selaras dengan usaha ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan Program Regenerasi Bandar Butterworth Baharu (*Butterworth Urban Regeneration Programme*) sejak tahun 2015, sebagai inisiatif utama untuk memulihkan, memperindah dan menaik taraf kawasan tumpuan awam di Butterworth. Program ini bertujuan menjadikan Butterworth sebuah hab pelancongan dan kebudayaan yang lebih hidup, moden dan berdaya tarikan, sejajar dengan aspirasi menjadikan Seberang Perai destinasi pelancongan yang mampan dan seimbang dengan bahagian pulau.

- (a) Antara tarikan utama yang terus diperkukuh di Butterworth ialah *Butterworth Fringe Festival* (BFF), acara tahunan bertaraf antarabangsa yang telah dianjurkan sejak tahun 2015. Festival ini merupakan satu-satunya festival berkonsepkan persembahan seni jalanan (*street art performance*) di Seberang Perai dan menjadi platform penting dalam memupuk minat terhadap seni, budaya dan ekonomi kreatif tempatan. Penganjuran BFF bukan sahaja memperkukuh imej Butterworth sebagai hab seni dan budaya utama di tanah besar Pulau Pinang, malah turut memberi impak ekonomi positif kepada komuniti setempat melalui penglibatan peniaga kecil, pengusaha makanan dan usahawan kreatif di sekitar kawasan festival.

Selain itu, *Butterworth Art Walk* turut menjadi tarikan ikonik yang menggambarkan kisah dan warisan masyarakat tempatan melalui lukisan mural bertemakan sejarah, perdagangan dan kehidupan nelayan. Kawasan

ini berfungsi sebagai ruang komuniti terbuka yang menghubungkan pelancong dan penduduk dengan identiti budaya setempat. Pelbagai program seni dan kebudayaan seperti pameran seni jalanan, bengkel komuniti dan persembahan budaya juga diadakan di sini bagi menarik minat pelancong dan memberi peluang kepada artis muda tempatan menonjolkan bakat mereka.

Di samping itu, pembangunan kawasan rekreasi seperti Taman Eko Robina, Pantai Bersih dan kawasan tepi laut Butterworth sedang dipergiat bagi merencanakan sektor pelancongan, rekreasi dan gaya hidup. Usaha ini turut disokong oleh pemuliharaan bangunan bersejarah dan tapak warisan lama di kawasan bandar lama Butterworth, yang mengekalkan identiti komuniti serta sejarah maritim Seberang Perai. Malah, Jawatankuasa Pakar Warisan Kebudayaan Ketara (Alam Bina) telah mengesyorkan kawasan enklaf sivik di Jalan Bagan Luar untuk diwartakan sebagai Warisan Negeri di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14) sebagai satu langkah penting dalam memperkukuh kedudukan Butterworth sebagai destinasi pelancongan warisan, seni dan budaya utama Negeri Pulau Pinang.

- (b) Antara inisiatif pembinaan kemudahan sokongan pelancongan yang telah dan sedang dilaksanakan di kawasan Butterworth adalah *Butterworth Digital Library*, yang berperanan sebagai pusat ilmu dan aktiviti komuniti digital, serta kerja menaik taraf Gelanggang Serbaguna Hardcourt Lebuh Benggali yang menyediakan ruang riadah dan aktiviti sukan kepada penduduk setempat serta pelancong.

Selain itu, *Pocket Park* di Lebuh Kampung Benggali dan Kolam Renang Awam MBSP dibangunkan sebagai ruang rekreasi dan interaksi sosial yang mesra komuniti, manakala Projek Menaiktaraf Lorong Belakang Bagan Luar 2 dan Projek Menaiktaraf Taman Pantai pula menambah baik kemudahan awam dan landskap bandar untuk meningkatkan daya tarikan kawasan berkenaan.

Di samping itu, pelaksanaan seni awam seperti mural, arca dan seni instalasi di lokasi tumpuan seperti

Butterworth Art Walk turut memperindah ruang bandar sambil menonjolkan identiti sejarah serta budaya tempatan.

- (c) Melalui pendekatan pelancongan berasaskan komuniti (*Community-Based Tourism – CBT*), penduduk tempatan di Butterworth digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pelancongan dan kebudayaan, termasuk pengendalian aktiviti di *Butterworth Art Walk*, program seni jalanan, serta penyertaan dalam festival dan acara budaya tempatan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan warisan dan seni tempatan, tetapi juga menarik lebih ramai pengunjung serta menjana impak ekonomi positif kepada komuniti setempat.

Kerajaan Negeri melalui MBSP sentiasa komited menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan pelancongan di Butterworth agar manfaat ekonomi dan sosialnya dapat dinikmati secara langsung oleh penduduk. Antara langkah utama yang dilaksanakan termasuk Geran Pekan Seberang Perai, hasil kerjasama MBSP dan *Think City* yang disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Geran ini menjadi platform untuk menggalakkan komuniti membangunkan produk dan inisiatif pelancongan di bandar-bandar kecil, sekali gus meningkatkan taraf ekonomi tempatan secara mampan dan inklusif.

Selain itu, komuniti turut diberi peranan langsung dalam penganjuran acara seperti BFF dan program warisan lain, di mana mereka berpeluang menjadi pengusaha makanan, peniaga kraf tangan dan penggiat seni. Pendekatan ini bukan sahaja memupuk rasa kepemilikan terhadap pembangunan tempatan tetapi juga menghidupkan semula ekonomi komuniti melalui aktiviti pelancongan kreatif. Tambahan pula, komuniti turut dilibatkan sejak peringkat awal perancangan projek seperti Cadangan Pembangunan Laman Komuniti Lebuh Kampung Benggali, dengan sesi libat urus diadakan sebanyak tiga kali sebelum projek dimulakan, bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan benar-

benar memenuhi keperluan dan aspirasi masyarakat setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

19. Apakah dasar dan garis panduan Kerajaan Negeri dalam memastikan pengambilan kakitangan LPNPP dilaksana secara telus, berasaskan merit dan saksama?
- (a) Nyatakan bilangan kekosongan jawatan semasa.
 - (b) Nyatakan tempoh purata pengisian jawatan kosong.
 - (c) Adakah dasar keutamaan atau insentif diberikan kepada calon anak tempatan tanpa menjejaskan kelayakan dan keadilan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 [Enakmen 13] dan mula beroperasi secara rasmi pada 1 Januari 2021 melalui Warta Nombor 50 bertarikh 30 Julai 2020. Penubuhan ini adalah selaras dengan surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bernombor rujukan JPA.BPO(R)193/3/7-3 s.k.6 (17) bertarikh 24 Mei 2018 yang memperakukan LPNPP sebagai Badan Berkanun Diasingkan Saraan dan Dibebaskan. Berdasarkan punca kuasa tersebut,

LPNPP juga berperanan sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi urusan pelantikan pegawai dan kakitangannya.

LPNPP sentiasa memastikan proses pengambilan dan pengisian jawatan dilaksanakan secara telus, berasaskan merit dan prinsip kesaksamaan, sejajar dengan amalan tadbir urus terbaik sektor awam negeri. Semua urusan pengambilan pegawai dan kakitangan adalah tertakluk kepada Tatacara Pelantikan Melibatkan Pegawai Lantikan Tetap/Kontrak/Sementara yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 25 Januari 2021, iaitu sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Seksyen 19, Enakmen 13.

- (a) Sehingga 28 Oktober 2025, terdapat sebanyak 23 kekosongan perjawatan di LPNPP yang meliputi pelbagai gred perkhidmatan seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Tempoh purata bagi pengisian satu jawatan kosong di LPNPP adalah antara tiga (3) sehingga enam (6) bulan tertakluk kepada kumpulan perkhidmatan serta kelulusan daripada PBM.

Proses pengisian jawatan di LPNPP dilaksanakan melalui beberapa peringkat utama seperti berikut:

- (i) Pengesahan kekosongan perjawatan dan permohonan kelulusan pengisian (1 sehingga 2 bulan);

- (ii) Hebahan iklan kekosongan perjawatan dan tapisan awal calon (1 bulan); dan
- (iii) Pelaksanaan temu duga, penilaian dan pelantikan rasmi (1 sehingga 3 bulan).

Langkah-langkah penambahbaikan turut dilaksanakan bagi mempercepat proses pengisian jawatan, termasuk melalui penggunaan Sistem e-Servis@LPNPP bagi pengurusan permohonan dan semakan yang lebih cekap serta bersepadu.

- (c) LPNPP mengamalkan pendekatan terbuka, inklusif dan berintegriti dalam semua urusan pengambilan serta pelantikan pegawai dan kakitangan. Semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat kelayakan dan kriteria merit adalah layak memohon dan boleh dipertimbangkan bagi pelantikan jawatan di LPNPP.

Walaupun tiada dasar keutamaan khusus diberikan kepada calon anak tempatan, LPNPP sentiasa menggalakkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam perkhidmatan negeri sebagai usaha menyokong pembangunan sosioekonomi Negeri Pulau Pinang. Pemilihan akhir dilaksanakan secara adil, telus dan berasaskan merit, tanpa sebarang bentuk diskriminasi terhadap asal-usul atau tempat tinggal calon.

**STATISTIK PENGISIAN JAWATAN
DI LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG (LPNPP)
MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN**

KUMPULAN PERKHIDMATAN	GED JAWATAN	JUMLAH JAWATAN (BIL.)	PENGISIAN (BIL.)	KEKOSONGAN (BIL.)
KUMPULAN PERKHIDMATAN EKSEKUTIF (PEGAWAI EKSEKUTIF)	9 – 13	12	9	3
KUMPULAN PERKHIDMATAN BUKAN EKSEKUTIF 1 (PENOLONG PEGAWAI EKSEKUTIF)	6 – 8	29	24	5
KUMPULAN PERKHIDMATAN BUKAN EKSEKUTIF 2 (PEMBANTU EKSEKUTIF)	3 – 5	58	45	13
KUMPULAN PERKHIDMATAN BUKAN EKSEKUTIF 3 (PEMBANTU AM/PEMANDU)	1 – 2	12	10	2
JUMLAH		111	88	23

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

20. Dalam ucapan belanjawan, Kerajaan Persekutuan merancang penstrukturan semula subsidi bahan bakar bagi memastikan agihan lebih tepat.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbang subsidi tambahan atau inisiatif pengangkutan mini tempatan bagi mengurangkan kos sara hidup?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan subsidi petrol RON 95 melalui inisiatif BUDI MADANI RON95 (BUDI95) yang berkuat kuasa pada 30 September 2025, di mana harga RON 95 ditetapkan pada RM1.99 seliter untuk semua rakyat Malaysia. Manfaat ini meliputi siling 30 liter sebulan melalui penggunaan MyKad untuk tujuan pengesahan di semua stesen minyak bagi memastikan subsidi tersebut dimanfaatkan oleh mereka yang layak, termasuklah penduduk di Pulau Pinang.
- (a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program dan bayaran insentif khusus untuk pekhidmatan pengangkutan awam dengan peruntukan tahun 2025 sebanyak RM14 juta. Antara program pengangkutan awam yang dilaksanakan adalah:-
- (i) Perkhidmatan Bas Percuma Congestion Alleviation Transport (CAT) Bridge dengan dua (2) laluan iaitu

dari Seberang Jaya ke Bayan Lepas termasuk Kawasan Perindustrian dan laluan Bukit Mertajam ke KOMTAR;

- (ii) Perkhidmatan Central Area Transit (CAT) George Town yang dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP);
- (iii) Pembiayaan Pas Mutiara My50 di mana rakyat Pulau Pinang dapat menikmati perkhidmatan bas Rapid Penang secara percuma di semua laluan dengan menggunakan pas tersebut;
- (iv) Perkhidmatan bas Bridge Express Shuttle Transit (BEST) KOMTAR untuk penjawat awam yang bekerja di KOMTAR; dan
- (v) Bayaran insentif kepada pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah setiap tahun.

Manakala bagi inisiatif mini tempatan, pihak Rapid Penang telah melaksanakan perkhidmatan *Rapid On Demand* (ROD) dengan menggunakan van. Para penumpang boleh menggunakan Pas Mutiara yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri untuk menaiki perkhidmatan ini secara percuma. Selain itu, pihak MBPP juga akan melancarkan laluan baharu iaitu CAT Hospital pada tahun hadapan di mana laluan ini akan meliputi kawasan-kawasan hospital di sekitar George Town. Penyediaan perkhidmatan bas shuttle percuma CAT di kawasan hospital adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan lalu lintas serta menangani masalah kekurangan tempat letak kereta di dalam kawasan Hospital Pulau Pinang. Cadangan ini juga adalah selaras dengan hala tuju Bandar Mesra Usia untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien terutama kepada warga emas dan golongan kurang upaya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

21. Apakah langkah segera Kerajaan Negeri menangani banjir berulang di kawasan Tol Sungai Nyior, memandangkan jalan tol berbayar tidak seharusnya terdedah kepada risiko sedemikian?
- (a) Apakah pelan mitigasi jangka pendek dan panjang?
 - (b) Adakah sistem saliran akan dinaik taraf?
 - (c) Bilakah kerja pembaikan bermula dan apakah tanggungjawab pihak konsesi tol?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Langkah segera yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani kejadian banjir berulang di kawasan Tol Sungai Nyior adalah penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Nyior bagi melancarkan dan meningkatkan keupayaan kapasiti aliran sungai tersebut.
- (a) Berhubung dengan pelan mitigasi jangka pendek, pihak Syarikat Konsesi akan meningkatkan penyelenggaraan sistem saliran lebuh raya yang berhampiran bagi melancarkan aliran air daripada lebuh raya ke Sungai Nyior. Bagi pelan mitigasi jangka panjang pula, pihak Syarikat Konsesi sedang mengkaji struktur yang sesuai bagi menghalang air daripada Sungai Nyior mengalir semula (*back flow*) ke lebuh raya.

- (b) Sistem saliran di Sungai Nyior akan dinaik taraf melalui Projek Tebatan Banjir Sungai Nyior. Pelaksanaan projek ini akan meningkatkan keupayaan sistem tebatan banjir di kawasan berisiko tinggi sekali gus mengurangkan impak kerugian harta benda, gangguan infrastruktur awam dan risiko keselamatan penduduk setempat dalam jangka masa panjang.
- (c) Kerajaan Persekutuan melalui Rolling Plan 1 (RP1), Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) telah meluluskan pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Sungai Nyior dengan peruntukan sebanyak RM161 juta. Projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh enam (6) tahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

22. Apakah jaminan Kerajaan Negeri bahawa projek mega seperti Silicon Island dan LRT tidak terus menambah jurang pembangunan antara pulau dan Seberang Perai, khususnya di kawasan Bagan Dalam yang masih ketinggalan dari segi kemudahan asas dan peluang ekonomi?
- (a) Apakah pelan konkrit untuk memastikan pembangunan negeri diagih secara adil dan seimbang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. Kerajaan Negeri menekankan bahawa semua projek mega yang dilaksanakan di Pulau Pinang, termasuk projek Pulau Silikon dan LRT Laluan Mutiara yang dirancang dengan pendekatan menyeluruh dan berpraktikan prinsip pembangunan seimbang antara pulau dan Seberang Perai. Laluan rel pertama dirancang bermula di pulau bagi mewujudkan tulang belakang jajaran rel terlebih dahulu untuk menghubungkan laluan rel lain yang turut dirancang di Seberang Perai seperti yang telah diwujudkan dalam Penang Transport Master Plan (PTMP) sejak 2015 lagi.

Malah, LRT Laluan Mutiara yang kini diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan telah ditambah baik untuk menghubungkan Penang Sentral di Seberang Perai melalui Mccallum daripada perancangan asal PTMP yang memerlukan jajaran berasingan yang dikenali jajaran Georgetown-Butterworth menghubungkan Stesen LRT The Light ke Penang Sentral.

Tujuan utama pelaksanaan projek-projek strategik ini bukan sekadar memacu pertumbuhan ekonomi di kawasan Pulau, tetapi juga mewujudkan limpahan manfaat (spillover effect) yang akan memberi kesan langsung kepada pembangunan di Seberang Perai termasuk kawasan seperti Bagan Dalam, Butterwoth dan Perai.

Kawasan Bagan Dalam juga terletak dalam kawasan sempadan pembangunan Transit Oriented Development (TOD) dan Central Business District (CBD) berdasarkan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030. Pemaju juga diberi insentif peningkat densiti dan nisbah plot bagi menyokong pembangunan berdekatan pembinaan LRT kelak yang dihubungkan di Penang Sentral di dalam Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Kawasan Bagan Dalam juga telah dimasukkan dalam pembangunan dibawah Rancangan Struktur Negeri dan Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk cadangan pemajuan ekonomi. Dari semasa ke semasa penyediaan dan peningkatan kemudahan awam mengikut keperluan atau permintaan serta pertambahan penduduk. Seperti contoh penaiktarafan stesen KTM Butterworth oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Selain itu, pembangunan di Seberang Perai Tengah (SPT) merupakan pemangkin utama dalam menerajui pembangunan wilayah Seberang Perai. Daerah Seberang Perai Tengah mempunyai kemudahan prasarana yang lengkap dan terbaik iaitu mempunyai sistem rangkaian perhubungan melalui Lebuhraya Utara-Selatan dan Timur-Barat, Pelabuhan Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Rangkaian Keretapi Utara-Selatan dan Rangkaian Rel Antara Negara (Inter Country Link) menghubungkan Seberang Perai ke Thailand.

Pembangunan Pulau Silikon tidak dirancang sebagai projek mega yang akan menyebabkan jurang di antara pulau dan Seberang Perai. Pulau Silikon dirancang dengan mengambil kira permintaan untuk kawasan pembangunan baru termasuk bagi tapak industri kerana kawasan perindustrian Bayan Lepas yang dibangunkan lebih 50 tahun yang lalu telah menjadi tepu.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai pelan yang menyeluruh untuk memastikan pembangunan negeri diagihkan secara adil dan seimbang antara bahagian pulau dan Seberang Perai bagi memastikan tiada kawasan yang ketinggalan dalam arus pembangunan.

Pembangunan negeri digerakkan berasaskan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) yang diwartakan pada 24 Oktober 2019. Rancangan ini menetapkan hala tuju pembangunan lestari dan seimbang di seluruh negeri dengan panduan pelaksanaan melalui Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) yang menilai keperluan penduduk, aktiviti semasa dan trend pembangunan sehingga tahun 2030.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga melaksanakan pelbagai pelan pembangunan bersepadu di kawasan Seberang Perai sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri. Antara projek yang telah dibangunkan oleh PDC di Seberang Perai adalah Taman Perindustrian Seberang Jaya, Taman Perindustrian Perai, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Penang Science Park dan Taman Perindustrian Batu Kawan. Kini, PDC giat membangunkan tiga lagi taman perindustrian iaitu Bandar Cassia Technology Park (BCTP), Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) dan South Penang Science Park (SPSP).

Kerajaan Negeri turut bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pembangunan diagih secara menyeluruh. Belanjawan 2026 yang telah diumumkan pada 10 Oktober 2025 memperincikan hala tuju pembangunan negara termasuk peruntukan kepada projek-projek infrastruktur utama di Pulau Pinang yang turut memberi tumpuan kepada keseimbangan pembangunan antara bahagian pulau dan Seberang Perai. Antara projek yang telah diluluskan di Seberang Perai dalam Belanjawan 2026 termasuk:

- (i) Pelebaran Lebuhraya PLUS dari Tol Juru ke Tol Sungai Dua;
- (ii) Pembinaan Klinik Kesihatan Kubang Semang;
- (iii) Pembangunan Kompleks Kesihatan Bersepadu Seberang Perai Tengah;
- (iv) Projek naik taraf Kompleks Sukan Bertam di Kepala Batas;
- (v) Penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Seberang Perai;
- (vi) Projek Tebatan Banjir Sungai Nyiur;
- (vii) Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Juru;
- (viii) Projek Rumah Bakat Madani, SkyWorld Pearlmont, Seberang Perai; dan
- (ix) Projek rumah warga emas mandiri di atas tanah Baitulmal di Kepala Batas.

Pengumuman ini menunjukkan komitmen kerajaan Persekutuan terhadap pembangunan Pulau Pinang yang seimbang dan inklusif. Kerajaan Negeri memberi kerjasama padu bagi memastikan projek-projek ini dilaksanakan.

Terkini, Kerajaan Negeri turut memperkukuh bekalan air mentah dan terawat melalui usaha sama Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Gamuda Bhd (JV PKNPk-Gamuda) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk menjual lebih air terawat pukal daripada Skim Bekalan Air Perak Utara (NPWSS) ke Pulau Pinang. Kerjasama ini dapat menjamin sumber air jangka panjang untuk kegunaan domestik dan industri di Pulau Pinang menjelang 2031 termasuk semua kawasan di Seberang Perai.

Secara keseluruhannya, pelan konkrit Kerajaan Negeri berpaksikan kepada perancangan yang seimbang, pelaburan strategik industri di Seberang Perai, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, dan pelaksanaan projek infrastruktur berimpak tinggi bagi memastikan semua rakyat Pulau Pinang mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negeri juga mendapat limpahan manfaat secara adil dan menyeluruh.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

23. Apakah langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan data pemberian bantuan kebajikan JKM sentiasa dikemaskini agar bantuan disalur kepada penerima layak?
- (a) Apakah pelan semakan semula data penerima?
 - (b) Bilakah semakan menyeluruh dijangka dilaksanakan?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri terlibat dalam pemantauan dan pengesahan data?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah sentiasa mengadakan Mesyuarat *Focus Group Discussion* (FGD) peringkat daerah bagi membincangkan serta menyemak silang data eKasih dengan data penerima bantuan daripada pelbagai agensi pemberi bantuan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Zakat Pulau Pinang, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Objektif mesyuarat ini adalah bagi memastikan penyaluran bantuan dilaksanakan dengan lebih tepat kepada penerima yang layak, mengelakkan pertindihan penerima antara agensi, serta menambah baik keberkesanan tadbir urus bantuan di semua peringkat.
- (a) Bagi memastikan ketelusan dan ketepatan dalam penyaluran bantuan, JKM melaksanakan prosedur

teratur yang merangkumi proses siasatan, kelulusan dan penamatan. Semua permohonan yang diterima akan disemak dan disiasat oleh Pegawai Kcs bagi menilai kelayakan pemohon sebelum dikemukakan untuk pertimbangan kelulusan.

- (b) Di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), proses kaji semula data penerima dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan terakhir sebelum tamat tempoh kelulusan bantuan. Proses ini bertujuan mengemas kini status penerima serta menilai sama ada bantuan yang diterima masih sesuai untuk diteruskan atau sebaliknya.
- (c) Kerajaan Negeri terlibat dalam pemantauan dan pengesahan data melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

24. Berdasarkan ucapan Belanjawan 2026 yang menyatakan sektor pertanian dijangka berkembang 2.2% pada tahun 2026.
- (a) Apakah sokongan seperti pembiayaan, insentif teknikal atau automasi yang disediakan khusus untuk petani kecil?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang memperluas program pertanian bandar / lestari di kawasan Bagan Dalam bagi membuka peluang baharu dan menyokong pembangunan komuniti pertanian bandar?

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. (a) Berdasarkan unjuran Belanjawan 2026 yang menjangkakan sektor pertanian akan berkembang sebanyak 2.2% pada tahun 2026, Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh sektor pertanian serta meningkatkan keupayaan dan daya saing petani kecil di seluruh negeri. Sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Pembangunan Pertanian Negeri Pulau Pinang 2021–2025, sebanyak 16 projek utama telah dilaksanakan dengan jumlah keseluruhan peruntukan dan perbelanjaan adalah sebanyak RM33.43 juta sehingga tahun 2025. Pelaksanaan projek ini telah memberi manfaat secara langsung kepada golongan petani kecil melalui pelbagai bentuk sokongan meliputi pembiayaan, bantuan teknikal,

galakan automasi dan pembangunan infrastruktur pertanian.

Dari segi pembiayaan dan bantuan modal, petani kecil menerima pelbagai insentif melalui program pembangunan tanaman utama seperti Pembangunan Tanaman Padi, Buah-buahan dan Sayur-sayuran dengan peruntukan berjumlah RM7.3 juta. Bantuan ini meliputi penyediaan benih berkualiti, baja, racun, sistem pengairan dan baik pulih infrastruktur ladang bagi meningkatkan hasil pengeluaran dan kualiti tanaman.

Selain itu, program Pembangunan Petani Pelapis turut menerima peruntukan sebanyak RM0.9 juta yang memberi tumpuan kepada penyediaan modal permulaan dan latihan keusahawanan kepada golongan belia tani untuk menggalakkan penglibatan generasi muda dalam sektor pertanian. Seterusnya, program Aktiviti Jualan Terus dan Kelompok Tani dengan jumlah RM3 juta turut membantu petani memperkukuh jaringan pemasaran serta memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Melalui aspek insentif teknikal dan pembangunan kapasiti, DOA Negeri Pulau Pinang melaksanakan beberapa inisiatif utama termasuk Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian dengan peruntukan RM1.48 juta, Pembangunan Pusat Inkubator dan Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian sebanyak RM1.1 juta serta Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan sebanyak RM0.45 juta. Melalui program ini, petani kecil diberikan latihan teknikal, bimbingan berterusan, pendedahan kepada teknologi moden seperti fertigasi, pertanian pintar dan penggunaan aplikasi digital dalam pengurusan ladang. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti, malah membina keupayaan petani untuk mengadaptasi perubahan teknologi serta memperkukuh daya saing sektor pertanian negeri.

Selain itu, dari sudut automasi dan mekanisasi, program Perkhidmatan Kejenteraan dengan jumlah perbelanjaan RM1.67 juta telah membantu petani kecil mengurangkan

kos operasi melalui kemudahan sewaan jentera moden seperti traktor, mesin penanam, penyembur automatik dan mesin penuaian. Program ini turut menyediakan latihan penyelenggaraan dan penggunaan mesin dengan selamat sekaligus meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual. Langkah ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memodenkan sektor pertanian dan meningkatkan produktiviti melalui automasi.

Bagi memperkukuh rantai nilai dan infrastruktur pertanian, beberapa projek pembangunan turut dilaksanakan termasuk Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan dengan peruntukan RM3.52 juta yang memberi peluang kepada petani kecil mengusahakan aktiviti hiliran dan penghasilan produk asas tani bernilai tambah. Selain itu, Pembangunan Tanaman Industri, Kontan, Herba dan Florikultur turut menerima peruntukan berjumlah RM1.06 juta bagi menggalakkan kepelbagaian tanaman bernilai komersial tinggi. Projek Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) serta pembangunan infrastruktur DOA turut diberikan keutamaan dengan jumlah perbelanjaan tertinggi iaitu RM9.1 juta meliputi naik taraf kemudahan pejabat, kuarters dan prasarana pertanian di peringkat daerah. Pelaburan ini bertujuan memastikan kemudahan asas pertanian berada dalam keadaan baik serta menyokong aktiviti pengeluaran makanan negeri secara berterusan.

Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan penuh sebanyak RM33.43 juta sehingga tahun 2025 telah memberi impak positif kepada lebih ramai petani kecil di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan pelbagai program dan insentif ini bukan sahaja berjaya meningkatkan produktiviti serta hasil pengeluaran pertanian, malah turut meningkatkan pendapatan isi rumah tani antara 20% hingga 40%. Inisiatif menyeluruh ini diyakini akan terus menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian negeri sebanyak 2.2% pada tahun 2026, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuh sekuriti makanan, memodenkan sektor pertanian serta

menjamin kemampanan ekonomi luar bandar di Negeri Pulau Pinang.

- (b) Negeri Pulau Pinang melaksanakan program pertanian bandar/komuniti bagi isi rumah di kawasan bandar dan luar bandar. Program ini menjadi fokus DOA di peringkat negeri dan persekutuan. Program pertanian bandar/komuniti ini memberi kesedaran dan kepentingan kepada masyarakat untuk menghasilkan sumber makanan melalui keharmonian dalam persatuan/organisasi. Sepanjang tahun 2025, terdapat 52 buah kebun pertanian bandar/komuniti yang telah dibangunkan di Negeri Pulau Pinang.

Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam yang terletak di Daerah Seberang Perai Utara boleh membuat perancangan untuk membuka peluang baharu dan menyokong pembangunan komuniti pertanian bandar seperti berikut:

- (i) Menyediakan plot komuniti/kebun komuniti di kawasan seliaan KADUN atau Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk penduduk tempatan dengan bantuan, khidmat nasihat dan sokongan daripada DOA Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);
- (ii) Menerapkan teknologi pertanian bandar seperti hidroponik, ladang vertikal atau pertanian atas bumbung/apartmen memandangkan ruang bandar semakin terhad;
- (iii) Menggalakkan penggunaan jentera/mekanisasi moden bagi petani kecil sedia ada di kawasan luar bandar di bawah seliaan KADUN tersebut bagi membantu petani beralih ke bidang pertanian yang lebih moden dan lestari;
- (iv) Membina kerjasama dengan jabatan/agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk khidmat latihan, penglibatan belia dan komuniti seperti contoh projek

integrasi sekolah dan pertanian bandar/perkebunan komuniti;

- (v) Memanfaatkan tanah terbiar atau kawasan hijau dalam kawasan bandar/semi-bandar untuk program komuniti selaras dengan dasar negeri untuk pertanian komuniti; dan
- (vi) Memberi insentif dan sokongan khusus seperti geran kecil, bimbingan teknikal dan pemasaran hasil kepada keluarga, kelompok suri rumah, belia dan komuniti kampung bandar untuk meningkatkan pendapatan dan penglibatan komuniti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

25. Senaraikan jumlah perbelanjaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (MBSP dan MBPP) bagi setiap Parlimen dan setiap DUN di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2025, termasuk pecahan perbelanjaan mengikut kategori seperti infrastruktur, projek pembangunan baharu, kerja-kerja naik taraf kemudahan awam dan penyelenggaraan berkala termasuk peruntukan dari KPKT.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Senarai jumlah perbelanjaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi setiap Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2025, termasuk pecahan perbelanjaan mengikut kategori seperti infrastruktur, projek pembangunan baharu, kerja-kerja naik taraf kemudahan awam dan penyelenggaraan berkala termasuk peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi MBPP adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala bagi MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

SENARAI PERBELANJAAN PROJEK MENGIKUT KATEGORI, PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) DI
KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA 2025

Lokasi		Kategori		
		Projek Naik Taraf Kemudahan Dan Infrastruktur (RM)	Projek Pembangunan Fizikal Baharu (RM)	Projek Penyelenggaraan Berkala (RM)
Parlimen	DUN			
	Tanjong Bungah	930,227.10		
Bukit Bendera	Kebun Bunga	227,563.30		910,046.00
	Air Putih	270,380.00		
	Pulau Tikus	2,426,510.61		1,037,485.40
Tanjong	KOMTAR	23,806,575.44	2,879,731.55	1,640,375.00
	Pengkalan Kota	1,879,731.19		74,450.00
	Padang Kota	16,331,955.73		261,170.47
Jelutong	Datok Keramat	18,124,512.56		2,605,729.50
	Sungai Pinang	4,380,660.29	3,378,658.72	3,053,284.70
	Batu Lancang	5,131,518.14		2,977,891.00
Bukit Gelugor	Seri Delima	19,960.00		392,090.00
	Air Hitam	1,116,097.70		817,935.00
	Paya Terubong	622,120.00		794,970.00
Bayan Baru	Batu Uban	2,293,464.30	415,384.87	225,361.70
	Pantai Jerejak	1,683,017.80		1,558,535.00
	Batu Maung	8,981,562.31		1,618,115.00
Balik Pulau	Bayan Lepas	2,307,959.00		1,428,118.00
	Pulau Betong	642,203.10		364,378.00
	Telok Bahang	244,444.00	712,428.00	749,569.00
Penglibatan Pelbagai Parlimen	Penglibatan Pelbagai ADUN	16,787,556.33	1,580,571.15	22,807,510.96
Jumlah Ikut Kategori (RM)		108,208,018.90	8,966,774.29	43,317,014.73
Jumlah Keseluruhan (RM)		160,491,807.92		

**SENARAI PERBELANJAAN PROJEK MENGIKUT KATEGORI, PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) DI KAWASAN MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA 2025**

Lokasi		Kategori		
Parlimen	DUN	Projek Naik Taraf Kemudahan Dan Infrastruktur (RM)	Projek Pembangunan Fizikal Baharu (RM)	Projek Penyelenggaraan Berkala (RM)
Kepala Batas (P41)	Penaga (N1)	1,164,928.72	1,032,387.61	5,261,479.05
	Bertam (N2)	1,945,871.15	5,365,075.77	10,352,327.86
	Pinang Tunggal (N3)	124,064.80	707,637.99	5,792,299.85
Tasek Gelugor (P42)	Permatang Berangan (N4)	314,309.00	423,067.29	6,855,358.28
	Sungai Dua (N5)	58,693.05	401,475.22	7,049,835.66
	Telok Air Tawar (N6)	2,086,972.00	591,910.66	6,091,839.84
Bagan (P43)	Sungai Puyu (N7)	9,785,367.00	3,579,328.28	13,429,051.76
	Bagan Jermal (N8)	7,651,306.00	7,597,530.88	11,749,556.17
	Bagan Dalam (N9)	8,882,923.47	10,087,692.49	6,258,691.93
Permatang Pauh (P44)	Seberang Jaya (N10)	9,386,807.39	3,630,432.44	19,918,753.14
	Permatang Pasir (N11)	4,642,310.00	1,562,143.00	5,300,138.67
	Penanti (N12)	5,262,125.54	3,234,405.99	9,232,923.07
Bukit Mertajam (P45)	Berapit (N13)	1,124,751.00	3,341,948.37	17,844,119.32
	Machang Bubuk (N14)	6,787,458.15	30,402,440.87	29,865,227.07
	Padang Lalang (N15)	4,498,010.48	6,737,503.59	18,461,510.80
Batu Kawan (P46)	Perai (N16)	11,070,210.90	11,402,875.00	18,087,840.67
	Bukit Tengah (N17)	9,126,427.76	12,196,742.99	17,944,531.32
	Bukit Tambun (N18)	412,100.00	4,652,813.95	24,569,617.02
Nibong Tebal (P47)	Jawi (N19)	6,338,456.91	2,726,986.33	16,834,639.05
	Sungai Bakap (N20)	1,691,875.23	2,924,111.33	18,395,941.24
	Sungai Acheh (N21)	546,254.00	3,818,462.00	13,627,127.40
Jumlah Iktut Kategori (RM)		92,901,222.55	116,416,972.05	282,922,806.17
Jumlah Keseluruhan (RM)		492,241,000.78		